

Meneroka Amalan Pelaksanaan Pengajaran Guru Dalam Pengajaran Bahasa Inggeris Di Prasekolah Sarawak, Malaysia

(Exploring Teachers' Practices in Implementing English Language Teaching in Sarawak Preschools, Malaysia)

Mohamad Iskanda Mohamad Muar, Suziyani Mohamed & Kamariah Abu Bakar

ABSTRAK

Isu pengajaran bahasa Inggeris dalam kalangan guru prasekolah, tanpa mempertimbangkan secara mencukupi pendekatan alternatif yang telah mereka laksanakan, memerlukan penyelidikan eksploratori terhadap amalan pengajaran mereka. Kajian kualitatif yang menggunakan reka bentuk kajian kes tunggal menggunakan pensampelan bertujuan dengan melibatkan 12 orang guru prasekolah akan meneroka amalan pelaksanaan pengajaran dan rasionalnya dalam pengajaran bahasa Inggeris di prasekolah Sarawak. Data kajian diperolehi melalui temu bual mendalam, pemerhatian kelas dan pemerhatian dokumen yang dibuat di 12 buah prasekolah yang mewakili bahagian selatan, tengah dan utara negeri Sarawak. Data dianalisis menggunakan perisian NVIVO 12 dan ini membawa kepada penemuan dua tema utama yang menjawab kepada objektif meneroka amalan pelaksanaan pengajaran bahasa Inggeris di prasekolah Sarawak iaitu; (1) pelaksanaan kaedah pengajaran bahasa Inggeris dan (2) pelaksanaan strategi pembelajaran bahasa Inggeris. Untuk menjamin kualiti serta ketepatan dapatan, kesahan dan kebolehpercayaan menggunakan ulasan rakan sekerja, semakan peserta kajian, jejak audit serta triangulasi antara kaedah. Implikasi daripada kajian ini memberi pembelajaran serta rujukan penting kepada agensi-agensi bertanggungjawab dalam mengenal pasti dan memahami situasi yang sebenarnya berlaku, kepercayaan guru dalam amalan pelaksanaan pengajarannya.

Kata Kunci: Kepercayaan; Amalan pengajaran; Pengajaran bahasa Inggeris; Guru prasekolah

ABSTRACT

The issue of English language teaching among preschool teachers, without adequately considering the alternative approaches they have already implemented, necessitates exploratory research into their instructional practices. This qualitative study, employing a single case study design and purposive sampling of twelve preschool teachers, seeks to investigate the implementation practices and underlying rationales for English language teaching in Sarawak preschools. Data were collected through in-depth interviews, classroom observations, and document analysis at multiple preschool locations across the southern, central, and northern regions of Sarawak. Subsequent analysis using NVIVO 12 software revealed two primary themes that align with the study's objectives: (1) the implementation of English language teaching methods and (2) the use of English language learning strategies. To ensure the rigor and accuracy of the findings, the study used strategies for validity and reliability, including peer review, participant validation, audit trails, and triangulation. The implications of this research offer critical insights for relevant agencies in recognizing and understanding the realities of English language teaching practices and the beliefs held by preschool teachers in Sarawak.

Key Words: Beliefs; Teaching practices; English language teaching; Preschool teachers.

PENGENALAN

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) dilaksanakan di semua prasekolah dan tadika di Malaysia bermula pada tahun 2017. Sebelum itu, KSPK mengalami perubahan demi perubahan bermula dengan Garis Panduan Kurikulum Prasekolah Malaysia, 1986 sehingga kepada KSPK Semakan 2010. Pada tahun 2017, perubahan KSPK berlaku lagi dengan pelaksanaan KSPK Semakan 2017 (Malaysia Ministry of education, 2017). KSPK ini telah ditambahbaik dan disemak semula untuk memastikan kurikulum ini relevan, holistik dan dapat memenuhi keperluan tuntutan global semasa (Noorul Hidayah Azman et al., 2020).

Dalam dokumen standard KSPK (semakan 2017), bahasa Inggeris yang dimasukkan ke dalam tunjang komunikasi bersama dengan bahasa Melayu, bahasa Cina dan bahasa Tamil. Tunjang ini hendaklah diajar selama 60 minit di setiap prasekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan Cina dan Tamil. Kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca serta kemahiran menulis merupakan teras dalam tunjang ini yang kanak-kanak prasekolah perlu kuasai. Pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam bahasa Inggeris mensasarkan kanak-kanak prasekolah dapat menguasai empat standard kandungan kemahiran berbahasa iaitu (i) mendengar dan memberi respon lisan dan bukan lisan yang sesuai, (ii) berkomunikasi dengan ayat mudah dengan sopan santun, (iii) membaca dan memahami ayat mudah dan (iv) menulis perkataan dan frasa. Kemahiran ini penting untuk dikuasai supaya komunikasi lisan dan asas literasi kanak-kanak berkembang untuk pembelajaran mereka seterusnya.

Tunjang komunikasi bahasa Inggeris dalam KSPK merupakan dokumen yang menjadi rujukan utama guru prasekolah dalam PdP. Bersama KSPK ini, prasekolah di Sarawak diwajibkan menggunakan 2 kaedah yang utama iaitu “*Common European Framework of Reference (CEFR)*” (KPM, 2015) dan “*Smarter Phonics (SP)*”. Kaedah “*Sound Family Identification Approach (SOFIA)*” pula hanya diperkenalkan kepada prasekolah di Institut Pendidikan Guru Malaysia, Kampus Batu Lintang (IPGMKBL), prasekolah di daerah Betong dan Lubok Antu sebagai “*pilot study*” (IPGMKBL, 2016). Ketiga-tiga kaedah yang dinyatakan ini diselarikan dengan KSPK dengan dibekalkan modul tentangnya sebagai panduan guru untuk pelaksanaannya. CEFR dengan modul “*Scheme of Work (SOW)*” (ELTC, 2018), SP dengan modul “*Getting Reading Right with Smarter Phonics: Empowerment of Preschool Children in the Language Teaching 2017*” jilid 1 dan 2 (Ong, 2017) dan SOFIA dengan “*EELP: Fun with SOFIA*” (IPGMKBL, 2016).

Guru prasekolah di Sarawak memainkan peranan penting sebagai pelaksana dasar KPM di peringkat

persekutuan dan usaha kerajaan negeri Sarawak yang menuntut komitmen mereka terhadap pelaksanaan PdP bahasa Inggeris yang telah diperkenalkan iaitu CEFR dan SP. SOFIA pula dilihat lebih kepada satu bentuk kajian tindakan yang memberikan guru di prasekolah IPGMKBL, prasekolah di Betong dan prasekolah di Lubok Antu satu lagi kaedah alternatif dalam mengajar bahasa Inggeris kepada kanak-kanak. Ketiga-tiga program yang dinyatakan dilihat memberikan cabaran dalam PdP bahasa Inggeris guru prasekolah di Sarawak. Ini kerana selain harus mengikuti sukanan pelajaran bahasa Inggeris yang terdapat dalam KSPK, ianya perlu diselarikan dengan kaedah CEFR, SP dan SOFIA yang mana setiap program ini telah dibekalkan dengan modul pelaksanaannya.

Disini dilihat, walaupun banyak usaha transformasi sama ada dalam dasar kerajaan atau dalam kajian-kajian ilmiah yang di buat untuk meningkatkan penguasaan guru prasekolah mengajar bahasa Inggeris, ironinya, hasil dapatan kajian banyak mengesahkan bahawa guru prasekolah dilihat sukar mengajar bahasa Inggeris prasekolah. Antara sebab yang utama adalah kelemahan mereka dalam menguasai bahasa Inggeris. Guru dilihat lemah dalam mengajar bahasa ini (Darmi et al., 2018).

Penguasaan bahasa Inggeris yang lemah di kalangan guru prasekolah ini juga mengakibatkan kanak-kanak prasekolah juga lemah menguasai bahasa ini. Walaupun mungkin terdapat banyak masalah yang menyumbang kepada kelemahan murid dalam bahasa Inggeris, isu kelemahan guru yang mengajar dan menggunakan bahasa Inggeris tetap menjadi salah satu perbalahan (P. S. Goh, 2019; P. S. C. Goh & Luen Loy, 2021). Guru prasekolah di Malaysia didapati jarang berbahasa Inggeris semasa pelajaran bahasa Inggeris kerana disebabkan oleh kurangnya penguasaan mereka dalam bahasa berkenaan (Abdullah et al., 2017; Noorul Hidayah Azman et al., 2020). Kekurangan penguasaan bahasa Inggeris mereka ini bukan sahaja mempengaruhi cara pengajaran guru, malahan turut mempengaruhi penguasaan bahasa ini terhadap kanak-kanak prasekolah. Ini kerana kemampuan kanak-kanak untuk memahami bahasa ini sangat bergantung pada penguasaan bahasa guru itu sendiri. Ucapan guru dianggap sebagai proses pembelajaran awal untuk anak-anak (Abdul Rahim & Chun, 2017).

PENYATAAN MASALAH

Adalah agak tidak adil untuk mengatakan bahawa kekurangan prestasi kanak-kanak adalah disebabkan oleh kecekapan berbahasa Inggeris di kalangan guru yang lemah tanpa memberi peluang kepada mereka menerangkan atau meneliti kemahiran dalam konteks mereka sendiri. Guru prasekolah sebenarnya mempunyai efikasi yang tinggi dalam mengajar bahasa Inggeris (Noorul Hidayah Azman

et al., 2020). Terdapat kajian-kajian yang dijalankan menunjukkan kelemahan guru dalam pengajaran bahasa Inggeris dan memberikan alternatif cara pengajaran dan pembelajaran yang boleh digunakan (Che Nidzam et al., 2014; Jain Chee et al., 2018; Johari & Yunus, 2019; Majzub, 2013; Nazuha & Mamat, 2020b, 2020a). Namun begitu, penyelidikan yang menunjukkan atau membuktikan inisiatif guru prasekolah dalam mengatasi kelemahan mereka dalam bahasa Inggeris dengan amalan-amalan pelaksanaan pengajaran tertentu kurang dijalankan.

Walaupun ada kajian yang menunjukkan inisiatif guru seperti yang di buat oleh Fauzi et al (2021) dengan dapatan bahawa kebanyakan guru prasekolah mempunyai kecekapan dalam bahasa Inggeris, tetapi kajian kualitatif tersebut hanya dijalankan di kalangan guru prasekolah swasta di Pahang. Kajian yang dilakukan oleh Goh (2019) pula lebih melihat kepada bahasa Inggeris prasekolah sebagai bahasa instruksi walaupun melihat dari perspektif inisiatif guru yang mana terdapat tiga daptan utama yang dirungkainya iaitu guru prasekolah kurang kepercayaan mengajar, amalan kurang berkesan dan tahap kegelisahan yang tinggi dalam mengajar bahasa ini. Kajian Aziz (2019) pula lebih melihat kepada kelemahan guru prasekolah dalam bahasa Inggeris dan menawarkan modul ‘MEET-EceT’ untuk meningkatkan efikasi mereka dalam mengajar bahasa ini. Walaupun kajian Noorul Hidayah Azman et al. (2020) juga melihat perspektif efikasi kendiri guru, tetapi mereka juga turut melihat kepada strategi yang guru gunakan dalam mengajar bahasa Inggeris yang mereka dapat adalah sederhana. Mereka mencadangkan untuk satu strategi berkesan perlu diadakan dalam meningkatkan kemahiran guru dalam mengajar bahasa Inggeris.

Jika dilihat, kebanyakan penyelidik lebih cenderung melihat isu pengetahuan pedagogi, kemahiran pengajaran guru dan kemajadian murid dalam sesuatu kemahiran dan seterusnya memberikan alternatif dalam meningkatkan kualiti PdP mereka. Jurang kajian yang penyelidik lihat di sini adalah mengenai penerokaan akar umbi iaitu guru prasekolah tentang persepsi, persediaan dan amalan semasa mereka dalam PdP bahasa Inggeris. Penerokaan ini lebih berbentuk apakah rasional yang membentuk stail PdP guru prasekolah. Guru akan melakukan apa sahaja yang mereka rasa betul kerana mereka mempunyai idea, cara mereka sendiri untuk melakukan sesuatu dan pilihan mereka sendiri (Borg, 2003). Oleh itu, kajian ini terletak pada potensinya untuk memberikan suara kepada sekumpulan masyarakat pendidikan yang kurang diwakili - guru, tetapi lebih khusus lagi, guru prasekolah.

OBJEKTIF KAJIAN

Guru prasekolah di Sarawak perlu menggunakan kaedah pengajaran bahasa Inggeris yang dicadangkan oleh kerajaan

negeri dan dalam masa yang sama menggunakan pakai juga kaedah yang diperkenalkan oleh kerajaan persekutuan. Namun begitu, adalah penting untuk melihat kepercayaan guru prasekolah itu sendiri dalam menentukan kaedah pengajarannya. Walaupun guru prasekolah menggunakan kaedah yang dipelajari, tetapi tahap pemahaman serta kepercayaan mereka dalam mengajar bahasa Inggeris dilihat mungkin berbeza. Perbezaan tahap pemahaman mereka inilah yang ingin dilihat terutamanya kepercayaan mereka dalam amalan pelaksanaan dalam mengajar bahasa Inggeris. Kajian ini meneroka amalan pelaksanaan pengajaran bahasa Inggeris di prasekolah Sarawak. Terdapat dua objektif kajian iaitu:

1. Meneroka kaedah pengajaran bahasa Inggeris yang digunakan di prasekolah Sarawak
2. Meneroka strategi pembelajaran bahasa Inggeris di prasekolah Sarawak

KAJIAN KEPUSTAKAAN

Pendedahan terhadap pembelajaran bahasa kepada kanak-kanak sesuai dilakukan di peringkat prasekolah lagi. Menurut penyelidik tentang neuro psikologi Brown & Jernigan (2012) tahun-tahun di prasekolah merupakan masa pertumbuhan yang meluas dalam perkembangan kemampuan memperoleh bahasa dan pemahaman lisan bagi kanak-kanak. Oleh itu, dalam tempoh ini, kanak-kanak memerlukan sokongan dari pendidikan untuk mengembangkan kemampuan berbahasa mereka. Pendapat ini disokong oleh Elicker & McMullen (2013) dan Klimova (2013), dengan mengesahkan bahawa kanak-kanak mempunyai potensi yang kuat untuk memperoleh hampir sebilangan besar maklumat baru, terutama ketika pembelajaran bahasa ke dua atau asing.

a. Kemahiran Berbahasa

Setiap proses kemahiran berbahasa meningkatkan kemahiran mereka dalam bahasa berkenaan (Kurniasih, 2011). Dalam KSPK Semakan 2017, terdapat empat kemahiran berbahasa yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak prasekolah setelah selesai mengikuti program pendidikan iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis. Pendekatan asas mengajar bahasa dengan tumpuan kepada empat kemahiran memang banyak telah dibincangkan oleh pengkaji-pengkaji bahasa. Menurut Sadiku (2015) student. Today takes great importance to the training of students to teach themselves, their education, equipping them with the skills of independent work with the most advanced methods of learning conscious , sustainable , active and creative. The of all skills during a lesson hour. The teacher is free to use a variety of methods and strategies different classes. He

combines these methods during the learning process and adapts according to the increasing development of linguistic competence and independence of student development, the consistency of this process. Teaching has at its center the method of communication, task -based methods, functional methods and situations as real life etc . These methods are realized through various strategies and techniques, according to language skills (listening, speaking, reading, writing, empat kemahiran ini banyak memberikan tujuan yang bermanfaat dalam pembelajaran bahasa. Tujuannya adalah sebagai perancah kepada pembelajaran, peluang untuk membina kemahiran berbahasa, menggunakan bahasa untuk pertukaran maklumat, bukti pembelajaran dan yang paling penting adalah membentuk keyakinan pelajar.

Pendidik bahasa telah lama menggunakan konsep empat kemahiran asas bahasa: mendengar, bertutur, membaca dan menulis (Aydogan & Akbarov, 2014; et al., n.d.) language skills and the consistency among these variables of four basic language skills and highlight the importance of ‘integrated language skills’ in English at tertiary level in preparation classes with language learners. University level instruction is structured more differently than the first and second cycles and usually builds on previously acquired social and academic knowledge. The teaching and assessment levels of four basic language skills have been shown by percentages and frequencies and whether there was a significant difference between the basic language skills of the students was analyzed using the appropriate statistical techniques. Questionnaire about the Learning English (QLE. Penggunaan bahasa seseorang pelajar bergantung kepada aspek mendengar, membaca, menulis dan bertutur (Nambiar et al., 2008). Ramírez et al. (2020) completed as an inductive, multi-step analysis process to summarize the beliefs of the participating teachers. Six major themes emerged. These themes included: (1, menyatakan bahawa mengintegrasikan kemahiran berbahasa Inggeris dalam pelajaran adalah proses semula jadi yang memudahkan guru untuk memberi peluang pembelajaran maksimum bagi pelajar. Kurniasih (2011) juga bersetuju dengan pendapat ini dengan menyatakan bahawa setiap empat kemahiran pembelajaran bahasa sentiasa berkaitan. Untuk pengajaran bahasa Inggeris berjaya, bagi Sadiku (2015) student. Today takes great importance to the training of students to teach themselves, independent work with the most advanced methods of learning conscious , sustainable , active and creative. The purpose of this topic is to know the importance of usage of all skills during a lesson hour. The teacher is free to use a variety of methods and strategies different classes. He combines these methods during the learning process and adapts according to the increasing development of linguistic competence and independence of student

development, the consistency of this process. Teaching has at its center the method of communication, task -based methods, functional methods and situations as real life etc . These methods are realized through various strategies and techniques, according to language skills (listening, speaking, reading, writing, keempat-empat iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis harus disatukan dengan cara yang berkesan. Ini bagi membantu pelajar mengembangkan kecekapan komunikasi mereka secara beransur-ansur.

b. Seni Bahasa

Selain daripada mengajar empat kemahiran berbahasa Inggeris, tunjang komunikasi dalam KSPK juga ada menyebut tentang seni bahasa. Seni bahasa penting dalam kurikulum pendidikan di mana pelbagai kemahiran diajarkan kepada kanak-kanak agar mereka mahir menggunakan bahasa tersebut. Merujuk kepada KSPK Semakan 2017, seni bahasa merujuk kepada keupayaan kanak-kanak untuk memahami, mengungkap dan menghargai bahasa yang indah yang dipelajari dengan pelbagai aktiviti yang bermakna seperti permainan bahasa seperti nyanyian, bercerita, berlakon dan berpuisi (Malaysia Ministry of education, 2017). Guru yang mahir dapat membuat penyesuaian dalam kerangka kurikulum untuk bertindak balas terhadap keperluan pelajar (Fern, 2014).

Menurut Torres & Mercado (2006), seni bahasa yang diajarkan melalui aktiviti yang bermakna haruslah bukan sekadar memberi latihan berupa kerja sekolah kepada kanak-kanak. Ini kerana mengajar kanak-kanak mempelajari bahasa amat berbeza daripada mengajar pelajar dewasa. Aspek perhatian yang pendek, imaginasi yang tinggi dan perlukan aktiviti yang menyeronokkan perlu dilihat sewajarnya dalam mengajar bahasa kepada kanak-kanak (Rachmawati et al., 2014). Guru perlu mempunyai pengetahuan dan kefahaman terhadap sesuatu pengajaran terlebih dahulu agar kanak-kanak dapat belajar dengan baik (Abdul Halim Masnan et al., 2019).

c. Kaedah Pengajaran Bahasa Inggeris

Selain daripada wajib menggunakan KSPK Semakan 2017 sebagai panduan pengajaran, guru prasekolah di Malaysia juga perlu menggunakan kaedah mengajar bahasa Inggeris menggunakan kerangka CEFR. Bagi prasekolah di Sarawak, ditambah lagi satu kaedah yang perlu digunakan iaitu SP. Tambahan daripada itu pula, IPGMKBL, dengan geran penyelidikan daripada kerajaan negeri turut memperkenalkan modul SOFIA yang diperkenalkan di daerah Betong dan Lubok Antu. Oleh itu, perbincangan tentang CEFR, SP dan SOFIA adalah penting kerana tiga kaedah ini perlu digunakan dalam pengajaran bahasa Inggeris di prasekolah dengan

diselaraskan mengikut kehendak KSPK.

i. Common European Framework of Reference (CEFR)

CEFR adalah lebih kepada alat pengukuran yang dipakai khusus untuk melihat kemahiran dan kecekapan seseorang pelajar bahasa dalam menguasai bahasa Inggeris dan bahasa lain. CEFR dikembangkan oleh “*Council of Europe*” yang pada mulanya bertujuan untuk mewujudkan kesatuan pendidikan dan budaya terutamanya di kalangan guru bahasa negara-negara anggotanya (English Language Standards & Quality Council, n.d.).

Keprihatinan mengenai keberkesanan menilai kemampuan pelajar dalam bahasa Inggeris mendapat perhatian serius dalam sistem pendidikan di Malaysia. “*Malaysian English for Second Language (ESL)*” telah beralih dari budaya pengujian penilaian sumatif ke arah penilaian yang lebih formatif yang membolehkan guru memantau dan mencatat pembelajaran dan pencapaian pelajar (Sidhu et al., 2018). Pada tahun 2016, KPM melaksanakan “*synergistic assessment system*” di bawah kurikulum ESL yang diselaraskan oleh CEFR dengan menggabungkan kedua-dua penilaian formatif dan penilaian sumatif di bawah Penilaian berdasarkan sekolah (PBS) untuk meningkatkan proses PdP bagi sekolah kerajaan (Sidhu et al., 2018). Malaysia mula menerapkan CEFR untuk mereformasi program bahasa Inggeris di dalam sistem pendidikannya (C. Alih et al., 2020).

Tidak sekadar sebagai kaedah penilaian, CEFR dilihat dapat membantu dalam menyeragamkan aspek kualiti penggunaan bahasa Inggeris terutamanya dalam aspek PdPnya. Dengan penggunaannya dalam peringkat prasekolah lagi, ia dapat memastikan bahawa kanak-kanak mendapat pendidikan yang terbaik sejak awal lagi (English Language Standards & Quality Council, n.d.). Ini kerana CEFR telah diadaptasi oleh Malaysia pendidikan bahasa Inggerisnya bagi memastikan bahawa sistem pendidikan bahasa Inggeris di negara ini berdaya saing dan selari dengan tahap antarabangsa (English Language Standards & Quality Council, n.d.).

Bahasa Inggeris untuk guru prasekolah atau “*English for Preschool Teacher (EPT)*” adalah inisiatif KPM untuk meningkatkan tahap penguasaan guru prasekolah di negara ini. Kerangka rujukan ini juga telah disesuaikan dengan KSPK mulai tahun 2018 dan KPM telah menghasilkan buku yang diselaraskan CEFR ini. Buku yang diterbitkan oleh yang KPM ini merupakan “*Scheme of Works (SOW)*” yang menjadi panduan guru prasekolah untuk merangka aktiviti PdP bahasa Inggeris berdasarkan standard kandungan, standard pembelajaran dan standard prestasi yang telah ditetapkan dalam tunjang komunikasi KSPK (Kementerian Pendidikan Malaysia, n.d.). Buku yang telah diterbitkan ini telah diberikan kepada guru prasekolah yang telah mengikuti kursus EPT samada dalam bentuk salinan

digital ataupun bercetak. Dalam bahasa yang mudah, KSPK menggariskan topik dan kemahiran yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak manakala SOW pula menggariskan bagaimana pelaksanaan topik dan kemahiran yang hendak diajarkan oleh guru.

ii. Smarter Phonics (SP)

Jika CEFR dilihat lebih kepada melihat kemahiran berbahasa Inggeris dengan disertakan SOW berserta kaedah pengurannya tersendiri, SP pula adalah satu kaedah fonetik yang lebih mementingkan kepada literasi awal membaca dengan banyak menggunakan pendekatan multi-sensori kanak-kanak dalam pembelajarannya. “*Smarter*” adalah singkatan dari “*Structured and Multisensory Approach to Enhance Reading*”. Ia menggunakan prinsip kaedah pengajaran fonetik Orton-Gillingham (OG) secara sistematik dan langkah demi langkah. SP membangunkan kemahiran literasi kanak-kanak berdasarkan penyelidikan sains membaca mengenai kepentingan mendengar, kesedaran fonemik dan perbendaharaan kata. Struktur kumulatif dan berulang-ulang dan penggunaan aktiviti multi-sensori telah ditunjukkan dalam pelbagai projek untuk meningkatkan membaca dan menulis di kalangan semua kanak-kanak, termasuk pembaca permulaan dan yang menghadapi masalah membaca (Ong, 2020). SP telah diguna pakai di semua prasekolah di Sarawak untuk mengajar membaca dan menulis dalam bahasa Inggeris semenjak tahun 2017.

Jika dilihat daripada prinsip kaedah pengajaran SP ini, ia adalah adaptasi daripada kaedah pengajaran fonetik OG. Pendekatan multi-sensori ini sangat membantu dalam mengajar kanak-kanak disleksia dan masalah pembelajaran yang lain. Kaedah ini lebih kepada penggunaan fonetik dalam membaca (Purkayastha et al., 2012). Walaupun kaedah OG digunakan sebagai pendekatan pendidikan yang dipandu khas untuk disleksia dan ketidakupayaan pembelajaran lain yang berkaitan, namun ia juga berguna bagi sebilangan pelajar di seluruh dunia dalam belajar bahasa (Ritchey & Goeke, 2006).

Pendekatan OG seringkali dikaitkan dengan arahan guru dan pelajar secara individu atau kumpulan pelajar yang kecil bilangannya. Kesukaran membaca, mengeja, dan menulis telah menjadi fokus pendekatan yang dominan, walaupun kaedah ini turut digunakan dalam pengajaran matematik. Pelajar yang menderita disleksia perlu menguasai pengetahuan asas yang sama mengenai bahasa dan hubungannya dengan sistem tulisan seperti mana-mana individu yang ingin menjadi pembaca dan penulis yang cekap (Ronney M.A, 2019).

Disebabkan hampir tiada kajian yang dijalankan terhadap SP, penyelidik berpendapat adalah sesuai untuk membincangkan tentang kaedah pendekatan fonetik OG

ini kerana ianya adalah berkaitan. Kaedah OG ini didasarkan kepada kepercayaan bahawa memasukkan kemahiran khusus dalam proses pendidikan mempunyai kesan positif terhadap kemampuan pelajar untuk belajar membaca, menulis dan mengeja. Guru yang menggunakan kaedah OG ini melibatkan semua pelajar dengan mengemukakan konsep dan cara yang dapat difahami oleh pelajar dengan ciri-ciri pembelajaran yang berlainan seperti visual, pendengaran, kinestetik dan sentuhan (The Orton-Gillingham Language Approach, n.d.).

Pendekatan OG ini dilihat penyelidik berkait rapat dengan SP seperti didasarkan dengan ciri-ciri; (i) kanak-kanak menerima arahan yang disesuaikan untuk memenuhi keperluan khusus mereka, (ii) kepelbagaiannya gaya pembelajaran (visual, kinestetik, pendengaran dan sensori), (iii) Penekanan kepada prinsip abjad pada tahap awal perkembangan membaca, sementara pada tahap yang lebih maju, mengembangkan analisis kata dengan strategi untuk memasukkan kata menjadi suku kata, akar, awalan, dan akhiran. (iv) membaca dan mengeja aktiviti multisensor diajar secara serentak dan memperkuuhkan perkembangan literasi. (v) kaedah SP dimulakan dengan aktiviti yang mengembangkan pengenalan fonem dan kemudian beralih ke seluruh perkataan dan ayat dan (vi) kaedah SP sentiasa memantau tindak balas kanak-kanak dengan laporan yang membolehkan guru mengenal pasti dan menganalisis kesukaran dan kemajuan kanak-kanak (The Orton-Gillingham Language Approach, n.d.).

iii. Sound Family Identification Approach (SOFIA)

Sama seperti kaedah SP, kaedah SOFIA juga menumpukan kepada aspek kemahiran literasi awal kanak-kanak prasekolah. Tetapi yang membezakan kaedah ini adalah melibatkan cara pendekatan yang digunakan iaitu satu abjad dalam bahasa Inggeris boleh membawa kepada beberapa bunyi fonik (Siik & Hawkins, 2013) berbanding kaedah pendekatan SP yang lebih tradisional iaitu menekankan satu abjad membawa kepada satu bunyi huruf.

Jika kaedah SP dilihat lebih kepada kaedah adaptasi daripada pendekatan OG, kaedah SOFIA lebih dilihat kepada adaptasi kaedah “Teaching”, “Handwriting”, “Reading” and “spelling” ataupun singkatannya THRASS. THRASS adalah kaedah fonetik sintetik iaitu satu sistem untuk mengajar pelajar mengenai asas membaca dan mengeja 44 fonem (bunyi huruf) dan “grapheme” (pilihan ejaan) dalam bahasa Inggeris (Thrass Institute, 2019). Dalam PdP menggunakan kaedah ini, guru akan menggunakan gambar untuk membantu kanak-kanak mengenal fonem sambil menunjukkan ejaan yang berbeza (Callinan & van der Zee, 2010). Sejak tahun 1990-an, THRASS telah digunakan untuk mengajar kemahiran literasi bahasa Inggeris utama di sekolah rendah Australia dan Britain (Callihan & Zee Der Van, 2010 &

Griffiths, 2008).

Sama seperti kaedah THRASS, SOFIA juga menggunakan fonetik sintetik dalam pengajaran dan pembelajaran membaca. Penekanan adalah pada pengenalpastian bunyi huruf (serta “families of sounds”) dan grapheme (serta “families of graphemes”). Kanak-kanak diajar keluarga “grapheme” dapat mewakili satu “sound”. Tetapi apa yang paling penting, kanak-kanak diajar untuk menggabungkan bunyi untuk membentuk perkataan. Apabila kanak-kanak mendengar “sounds” dia akan memvisualkan “grapheme” atau “families of graphemes”. Apabila kanak-kanak melihat “grapheme” / “families of grapheme” mereka akan membunyikannya (IPGKBL, 2016).

Daripada perbincangan tentang CEFR, SP dan SOFIA ini ketiga-tiga kaedah ini mempunyai ciri-cirinya tersendiri. Kaedah CEFR misalnya lebih menumpukan kepada pengukuran atau mengkelaskan kecekapan bahasa Inggeris terhadap pelajar bahasa Inggeris. Kaedah SP pula lebih merupakan kaedah sistematik yang menekankan pembelajaran bahasa Inggeris itu mengikut langkah demi langkah dengan pendekatan multi-sensori. Bagi kaedah SOFIA pula, kaedah yang digunakan adalah lebih kepada fonik sintetik, iaitu kaedah membaca dengan memadankan bunyi bahasa (fonem) kepada (grapheme).

d. Amalan Pelaksanaan Pengajaran Bahasa Inggeris Prasekolah

Peringkat kanak-kanak atau pendidikan prasekolah merupakan peringkat yang tepat dalam mendedahkan mereka kepada pembelajaran bahasa kedua atau bahasa Inggeris. Kanak-kanak berkebolehan dalam memahami serta menguasai bahasa kedua yang dipelajari di peringkat prasekolah lagi (Lightbown & Spada, 2013). Kanak-kanak tidak dapat mengetahui banyak perbedahan kata jika kurangnya pendedahan bahasa kepada mereka di peringkat awal (Putu & Asmini, 2012). Bagi Chomsky (1981) pula menyatakan bahawa setiap kanak-kanak yang lahir mempunyai potensi semula jadi dalam menguasai penuturan bahasa yang rumit. Oleh itu, untuk membantu dalam memperkembangkan bahasa ke dua mereka, adalah menjadi kepentingan untuk mereka ini didedahkan kepada bahasa Inggeris.

Aspek yang paling mencabar dalam mengajar bahasa Inggeris kepada kanak-kanak prasekolah mungkin hanya mengetahui “bagaimana hendak melakukannya?” dan ini mungkin memerlukan sedikit kesedaran tentang bagaimana kanak-kanak belajar bahasa. Kanak-kanak pada umur di prasekolah seperti yang dicadangkan oleh Piaget (1964) adalah masih di “tahap operasi konkret”. Kanak-kanak belajar melalui pengalaman dengan memanipulasi objek di sekitarnya. Mereka tidak boleh melampaui imaginasi jika mereka tidak mengalami sesuatu. Kanak-kanak pada

umur prasekolah ini belajar daripada pengalaman konkret mereka. Mereka perlu tahu bagaimana perasaan tentang sesuatu agar dapat mempelajarinya dengan baik (Curtain & Pesola 1994: 69).

Tidak seperti mengajar di sekolah rendah atau menengah, mengajar bahasa Inggeris kepada kanak-kanak prasekolah tidak hanya boleh bergantung harap pada perkataan yang diucapkan. Guru prasekolah perlu mempunyai banyak objek dan gambar untuk membantunya dalam pengajaran mereka (Hidayati, 2009). Sebagai perbandingan dengan gambar, objek sebenar lebih mudah difahami oleh kanak-kanak. Oleh itu, lebih baik guru bahasa Inggeris membawa objek atau model sebenar ke kelas ketika mereka mengajar perkataan baru (Dunn, 1990).

Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi kejayaan kanak-kanak dalam belajar bahasa Inggeris. Guru yang berkelayakan, perancangan kurikulum, bahan pengajaran dan kaedah pengajaran. Motivasi dan sikap ibu bapa juga merupakan faktor kejayaan dalam pembelajaran. Merancang pengajaran bahasa kedua untuk kanak-kanak prasekolah harus mempertimbangkan perkara berikut iaitu motivasi, kelayakan guru, ukuran kelas, lamanya pelajaran, struktur kursus, metodologi, dan keadaan di mana anak-anak sedang belajar. (Frohlich-Ward 1991).

METODOLOGI

REKABENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes dengan pendekatan kualitatif. Kajian kes digunakan untuk meneroka serta memahami tindakan rasional di sebalik amalan pelaksanaan pengajaran bahasa Inggeris yang digunakan oleh guru prasekolah. Jenis kajian kes yang dipilih adalah kajian kes tunggal iaitu kategori penerokaan. Kajian kes tunggal yang dijalankan ini memfokuskan

kepada pemahaman yang mendalam tentang pengalaman pengetahuan, penemuan, wawasan serta pandangan guru prasekolah dalam amalan pelaksanaan pengajaran bahasa Inggeris.

Kajian ini telah memperolehi kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (Rujukan: KPM.600-3/2/3-eras(11857) dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak (Rujukan: JPNSW2.600-11/1/2 Jld.2(24)). Penyelidikan ini juga telah memperoleh kelulusan etika daripada Universiti Kebangsaan Malaysia dan kebenaran telah diberikan oleh pihak pentadbiran sekolah di mana kajian ini dijalankan.

PESERTA KAJIAN

Peserta kajian dipilih berdasarkan teknik pensampelan bertujuan. 12 orang guru prasekolah telah dipilih dari kawasan selatan, tengah, dan utara Sarawak. Mengikut pendapat Hennink et al., (2017), dalam penyelidikan kualitatif, sembilan peserta sudah mencukupi untuk mencapai ketepuan data dalam mengenal pasti isu baru yang dibangkitkan. Untuk pemilihan peserta ini, terdapat empat faktor dipertimbangkan iaitu: (i) kelayakan profesional guru, (ii) pengalaman mengajar lebih daripada tiga tahun, dan (iii) pencapaian guru yang baik dalam pengajaran bahasa Inggeris dan (iv) memegang jawatan penting, seperti menjadi pelatih peringkat negeri atau daerah, dan mempunyai beberapa pencapaian khusus juga dipertimbangkan (jadual 1).

KAEDAH PENGUMPULAN DATA

Temu bual mendalam, pemerhatian proses PdP dan analisis dokumen digunakan dalam pengumpulan data.

JADUAL 1: Ringkasan maklumat peserta

Peserta kajian	Umur	Pendidikan	Opsi	Pengalaman Mengajar	Tugas lain / Pencapaian
P01	36	Ijazah	Prasekolah	13	JU daerah
P02	42	Ijazah	Prasekolah	13	JU kebangsaan
P03	43	Ijazah	Prasekolah	12	JU daerah
P04	31	Ijazah	Prasekolah	6	JU kebangsaan <i>Outstanding young teacher of the year 2021 (world education leaders summit and awards)</i>
P05	41	Ijazah	Prasekolah	14	JU daerah Juara perkongsian amalan terbaik prasekolah

P06	26	Ijazah	Prasekolah	3	Perkongsian Amalan terbaik SP
P07	44	Ijazah	Prasekolah	16	Anugerah kelas prasekolah cemerlang
P08	46	Ijazah	Prasekolah	14	JU daerah
P09	41	Ijazah	Prasekolah	16	JU kebangsaan
P10	43	Ijazah	Prasekolah	13	JU kebangsaan
P11	56	Ijazah	Prasekolah	18	Johan amalan terbaik dalam pengajaran bahasa Inggeris JU kebangsaan
P12	41	Ijazah	Prasekolah	16	Guru cemerlang prasekolah Ikon guru 2016 JU kebangsaan

Kebiasaannya, penyelidikan kualitatif bersandarkan kepada ketiga-tiga kaedah yang dinyatakan dalam mengumpulkan maklumat (Merriam, 1998; Yazan & De Vasconcelos, 2016). Temu bual merupakan pemerolehan data yang paling penting dalam kajian ini. Ia kemudiannya disertai oleh pemerhatian proses PdP dan yang terakhir, analisis dokumen.

a. Temu Bual Mendalam

Satu pra-kajian telah di buat bersama seorang guru untuk melihat sejauh mana temu bual yang digunakan dapat menjawab persoalan dan objektif kajian. Kelemahan dalam soalan-soalan yang tidak menjawab objektif kajian dipertemukan dan diolah semula. Soalan yang dikemukakan kemudian dirujuk kepada tiga orang pakar yang terlibat secara langsung dalam pendidikan prasekolah iaitu dua orang pensyarah daripada Institut Pendidikan Guru dan seorang pegawai daripada unit kurikulum, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Sarawak.

Sebelum menjalankan temu bual, penyelidik akan memastikan kesahan dan kebolehpercayaan soalan yang dikemukakan telah dirujuk kepada tiga orang pakar dalam pendidikan prasekolah. Mereka adalah terdiri daripada dua orang pensyarah kanan prasekolah daripada IPGMKBL dan IPG Kampus Tun Abdul Razak Kampus Samarahan dan seorang pegawai daripada unit kurikulum prasekolah, Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, Kuching. Temu bual bermula pada 5 April 2022 sehingga 14 Julai 2022 bermula daripada bahagian zon selatan Sarawak iaitu sebanyak lima buah prasekolah, di bahagian zon tengah sebanyak empat buah prasekolah dan zon selatan sebanyak tiga buah sekolah (jadual 2).

1	5/4/22	GP01	Selatan	A
2	7/4/22	GP02	Selatan	B
3	12/4/22	GP03	Selatan	C
4	14/4/22	GP04	Selatan	D
5	19/4/22	GP05	Selatan	E
6	17/5/22	GP06	Tengah	F
7	18/5/22	GP07	Tengah	G
8	19/5/22	GP08	Tengah	H
9	20/5/22	GP09	Tengah	I
10	13/6/22	GP10	Tengah	J
11	21/6/22	GP11	Utara	K
12	14/7/22	GP12	Utara	M

b. Pemerhatian Proses Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Pemerhatian tidak turut serta digunakan dalam kajian ini. Menurut Merriam (1998), pemerhatian tidak turut serta membawa maksud bahawa keberadaan penyelidik di lokasi adalah hanya sebagai pemerhati dan tidak campur tangan dengan apa yang berlaku. Semasa rakaman dijalankan, persetujuan yang dimaklumkan harus dicapai terlebih dahulu daripada peserta kajian dan pentadbir sekolah. Rakaman video bertindak sebagai saksi penyelidik untuk merekodkan segala aktiviti pengajaran yang dilakukan oleh peserta kajian yang tidak dapat penyelidik dengar atau lihat.

c. Analisis Dokumen

Dalam kajian ini, dokumen-dokumen seperti buku garis panduan pengurusan prasekolah, buku KSPK, sukan pelajaran, rancangan pengajaran harian (RPH) /mingguan (RPM)/tahunan (RPT), rekod penaksiran seperti Instrumen Penilaian Prasekolah Kebangsaan (IPPK), lembaran kerja, buku kerja dan bahan elektronik (peranti / Internet) yang menyokong PdP digunakan. Pengkajian dokumen akan

JADUAL 2: Maklumat temu bual

Peserta Kajian	Tarikh	Nama Samaran	Zon Sekolah	Sekolah / PPD

berjalan sepanjang proses kajian.

INSTRUMEN KAJIAN

Dalam kajian ini, terdapat 3 jenis instrumen yang digunakan iaitu (1) Protokol temubual (2) catatan nota lapangan dan (3) analisis dokumen rasmi. Sebelum kajian ini dijalankan, terlebih dahulu satu persetujuan yang termaklum dinyatakan kepada peserta kajian yang terlibat. Mereka diberitahu tentang hak-hak mereka dan menurunkan tandatangan apabila mereka bersetuju dengan apa yang dinyatakan.

a. Protokol Temu bual

Temu bual berstruktur, separa berstruktur dan terbuka digunakan. Temu bual berstruktur digunakan untuk mendapatkan maklumat fakta seperti nama, umur pendidikan, pengalaman mengajar, bangsa, agama dan sebagainya. Temu bual separa berstruktur pula digunakan untuk memperolehi jawapan-jawapan lanjut hasil daripada jawapan yang diberikan oleh peserta kajian. Temu bual terbuka digunakan untuk mendapatkan komen, cadangan, pendapat atau hujah terbuka daripada peserta kajian.

Dalam kajian ini, soalan akan dibahagikan kepada 3 bahagian yang utama. Bahagian pertama lebih kepada maklumat peserta kajian. Bahagian ke dua merupakan bahagian penting iaitu soalan-soalan separa berstruktur berkenaan dengan perkara yang dikaji iaitu amalan pelaksanaan pengajaran bahasa Inggeris prasekolah. Bahagian 3 merupakan akuan daripada peserta kajian yang di temu bual.

b. Catatan Nota Lapangan

Borang ini dibahagikan kepada tiga bahagian maklumat. Bahagian maklumat pertama mengandungi maklumat-maklumat asas seperti peserta kajian, kelas prasekolah, tarikh dan masa pemerhatian, bilangan pemerhatian, jumlah murid dan topik. Bahagian maklumat kedua merupakan bahagian terpenting yang banyak menyumbang kepada maklumat yang berguna iaitu deskripsi atau perihal tentang PdP dan refleksi. Bahagian yang terakhir pula adalah akuan penyelidik sebagai pencatat nota.

c. Analisis Dokumen Rasmi

Dalam kajian ini, instrumen analisis dokumen rasmi yang digunakan oleh penyelidik adalah bahan-bahan yang bercetak rasmi yang boleh diperolehi sama ada secara "softcopy" ataupun bercetak. Senarai dokumen rasmi yang dirujuk oleh penyelidik adalah (i) Buku rekod pengajaran guru, (ii) sukanan pelajaran, (iii) KSPK, (iv) lembaran kerja murid, (v) buku rujukan /buku akademik (vi) nota / modul (vii) fail meja guru prasekolah dan (viii) rakaman video.

Untuk mencapai tahap standard dan keperluan

metodologi penyelidikan, adalah penting bahawa kesahan dan kebolehpercayaan kajian itu tepat. Teknik kesahan dan kebolehpercayaan yang digunakan oleh penyelidik adalah (i) Bias penyelidik, (ii) triangulasi, (iii) *member checking* (iv) *peer review* (v) *prolonged engagement*

KAEDAH ANALISIS DATA

Data dianalisis menggunakan perisian Nvivo versi 12.0. Perisian Nvivo memudahkan pengurusan serta analisa data yang banyak dalam temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Ini akan memudahkan urusan proses saringan data, pembinaan tema-tema, pengekodan, paparan hasil, pemadanan pola dan analisis tema. Data dianalisis secara serentak semasa pengumpulan data temubual, pemerhatian proses PdP dan analisis dokumen dijalankan. Data yang dikumpulkan ini diuruskan melalui lima peringkat iaitu; (i) pemahaman data, (ii) pengkodan, (iii) penghasilan kategori, (iv) penghasilan tema dan (v) Pelaporan dan Interpretasi.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Dalam meneroka amalan pelaksanaan pengajaran bahasa Inggeris di prasekolah Sarawak, terdapat dua objektif yang telah digariskan iaitu; (i) Meneroka kaedah pengajaran bahasa Inggeris yang digunakan di prasekolah Sarawak dan (ii) Meneroka strategi pembelajaran bahasa Inggeris di prasekolah Sarawak. Untuk Objektif yang pertama, terdapat tiga tema atau kaedah utama yang digunakan oleh guru prasekolah di Sarawak dalam pengajaran bahasa Inggeris iaitu; (a) kaedah fonetik, (b) kaedah CEFR dan (b) integrasi antara kaedah. Untuk objektif yang kedua, terdapat lima tema atau lima strategi pengajaran bahasa Inggeris iaitu; (a) penggunaan bi-language/tri-language, (b) belajar sambil bermain, (c) pengintegrasian PdP, (d) mempelbagaikan sumber PdP dan pemusatan murid (rajab 1).

Persoalan Kajian 1: Bagaimakah Pelaksanaan Kaedah Pengajaran Bahasa Inggeris di Sarawak?

Kaedah pengajaran dalam konteks kajian ini bermaksud prosedur atau cara yang digunakan oleh guru prasekolah untuk mengajar bahasa Inggeris di prasekolah dengan langkah-langkah yang tertentu. Dalam kaedah pengajaran terdapat tiga keadaan utama yang digunakan oleh guru dalam pengajaran bahasa Inggeris iaitu: (a) fonetik (b) CEFR dan (c) Integrasi kaedah. Disebabkan oleh pendekatan kualitatif yang digunakan yang memerlukan penulisan berbentuk naratif, dapatkan data akan berfokuskan kepada contoh-contoh tertentu sahaja.

a. Fonetik

RAJAH 1: Infografik tema / objektif

<h2>Kaedah Pengajaran</h2> <h2>Strategi Pembelajaran Bahasa Inggeris</h2>	Fonetik CEFR Integrasi Kaedah Penggunaan Bi-Language/Tri-Language Belajar Sambil Bermain Pengintegrasian PdP Mempelbagaikan Sumber BBM Pemusatan Murid	SP Jolly Phonics SOFIA Kemahiran mendengar dan bertutur Penggunaan SOW dalam modul Penggunaan tema cadangan Integrasi bahasa Inggeris bahasa dan Melayu Mempelbagaikan kaedah Penggunaan bahasa Ibu bapa dalam Instruksi Penggunaan bahasa Melayu dalam Instruksi Penggunaan nyanyian Penggunaan permainan Penggunaan 'sign language' Integrasi PdP dengan rutin harian Integrasi PdP dengan tunjang lain Penggunaan ICT Penggunaan sumber Internet Penggunaan bahan majuud Interaksi bahasa Inggeris mudah Interaksi dua hala
---	---	--

Fonetik merupakan kaedah popular yang digunakan oleh peserta kajian. Kesemua 12 peserta kajian menggunakan kaedah ini dalam pengajaran bahasa Inggeris di prasekolah. Untuk fonetik ini, ia hanya dibahagikan kepada tiga kategori yang utama iaitu: (i) *Smarter Phonics*, (ii) *Jolly Phonics* dan (iii) *Sound Family Identification Approach*.

i. Kaedah Smarter Phonics (SP)

Dalam lima contoh temu bual yang diadakan, GP03, GP05, GP07, GP10 dan GP11 sepakat bahawa SP merupakan kaedah fonetik. Contoh data temu bual yang menunjukkan kaedah SP ini merupakan kaedah fonetik adalah seperti berikut:

"Saya menggunakan kaedah 'Smarter Phonic' iaitu memadankan huruf dengan bunyi, kerana dia lebih senang untuk difahami oleh murid-murid, kerana kita mengajar mereka bunyi untuk mengenal huruf tersebut."

(TB/GP01:2-27)

'Smarter Phonic', dia lebih mengajar, lebih kepada... kita fokus kepada pembacaan, 'reading'. Bunyi... bunyi. Perkataan... bunyi sistem fonik. Bunyi huruf, macam tu. Boleh..aaa... apa nama? 'Blending'... apa itu. Blending, apa lagi, macam tu la, dia lebih kepada system bunyi la... Lebih kepada pembacaan lah

(TB/GP03:6-43)

'Sebab, kita kena kuasai 'Smarter Phonic', kita kena kuasai, 'sound'. Bila cikgu tak dapat menguasai 'every sounds of the alphabet', memang susah.

(TB/GP05:6-22)

"Dalam Smarter Phonic ini, memang menariklah bagi cikgu, sebab murid prasekolah, memang perlu kita kenalkan mereka dengan bunyi-bunyi huruf itu dulu, sebelum mereka belajar membaca huruf. Menggabungkan bunyi huruf. Jadi, bunyi itu sangat pentinglah untuk kita

dedahkan dulu kepada mereka sebelum mereka mengenal perkataan dan membaca."

(TB/GP07:3-46)

"Kita didedahkan dengan 'Smarter Phonics', so kita tahu, setiap huruf itu, mempunyai bunyi dan bunyi itu lebih kurang sama dengan bahasa Melayu. Walaupun ada sebilangan bunyi, sukanan itu lain tetapi kita boleh belajar teknik 'blending' dia."

(TB/GP10:4-36)

"Saya rasa semua orang sudah tahu yang dia adalah kaedah untuk berfokuskan kemahiran membaca. Melalui listening, not fokus, bagi saya dia, lebih fokus kepada kemahiran membaca. Jadi menggunakan bunyi. Pendekatan bunyi... fonetik lah."

(TB/GP11:8-33)

Jika dilihat, nama 'phonics' dalam kaedah SP itu sendiri sudah menggambarkan kaedah ini adalah fonetik, tetapi disusun secara berstruktur. Secara umumnya, dua modul SP yang diberi kepada guru prasekolah mempunyai rangka kerja PdP atau 'framework teaching-learning' yang mempunyai target bulan Januari-Mei untuk modul 1 (CAD1827/SP) dan Jun-Okttober (CAD3232/SP) untuk dilaksanakan. Rangka kerja PdP dalam modul ini mengandungi lima perkara yang utama iaitu; (i) bulan, (ii) minggu, (iii) fokus, (iv) cadangan aktiviti dan (v) bahan bantu mengajar (rajah 2).

RAJAH 2: Contoh rangka kerja PdP modul SP (1 dan 2)

MONTH	WEEK	FOCUS	SUGGESTED ACTIVITIES	TEACHING AIDS
MONTH 1				
MONTH 1	1-2	Develop listening skills	1. Children listen to audio clips of animal sounds and say the names of the animals (as a class, in groups and individual). 2. Children are divided into 4 or 5 groups, with each named after different animals. Teacher says the story 'Good-night, Owl' and groups cry out their sounds when their names are mentioned in the story. 3. Play action song 'If you are a kid' and children follow the actions.	1. Audio-clips of sounds of animals 2. Audio-clips of sounds of common things 3. 'Good-night, Owl' story and props 4. Song 'If you are a kid'
		Develop classification and sorting skills	Group objects according to colours, size, shapes and types of objects.	5. Wooden blocks of different colours, sizes and shapes 6. Pencils of different colours and lengths 7. Seeds 8. Buttons 9. Leaves 10. Coins

2

MONTH	WEEK	FOCUS	SUGGESTED ACTIVITIES	TEACHING AIDS
MONTH 6				
MONTH 6	1	Revision of word and syllable awareness activities	Song 1: How are you? <i>Please see activities in Teaching-Learning Framework Level 1 – to use <u>different</u> words for exercises.</i>	
		Revision of Set 4 letters a c b m s h r t f i p w j g and their sounds	Activity 1a: Revision – Matching Set 4 letters to given sounds (individual) 1. Teacher displays Set 4 letter cards a c b m s h r t f i p w j g in pocket chart. 2. Which one of these letters says /a/ (with hand gesture)? Child points. The rest of the children show the correct letter cap. 3. Proceed likewise with the rest of the letters. Activity 1b: Revision – Sounding out Set 4 letters (individual or small group) 1. Teacher displays Set 4 letter cards a c b m s h r t f i p w j g in pocket chart. 2. Teacher points to a letter randomly. One child or a small group to say out its sound. 3. Proceed likewise with the rest of the letters.	1. Pocket chart and appropriate letter cards 2. Set 4 letter caps

2

Setiap modul mempunyai objektif pembelajaran yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak prasekolah. Untuk kandungan objektif satu, kanak-kanak perlu menguasai tujuh perkara iaitu; (i) membangun dan meningkatkan kesedaran fonologi, (ii) menyebut bunyi huruf vokal pendek ‘a’ dan ‘i’, (iii) Membunyikan huruf konsonan ‘b’, ‘c’, ‘m’, ‘s’, ‘h’, ‘r’, ‘t’, ‘f’, ‘p’, ‘w’, ‘j’ dan ‘g’, (iv) mengadun dan membaca vokal ‘a’ dan ‘i’ dengan konsonan dalam KV, (v) membatangkan suku kata KV, perkataan VK dan perkataan KVK, (vi) membaca perkataan mudah ‘sight words’ melalui teknik lihat dan sebut dan (vii) membaca serta memahami perkataan, frasa, ayat dan cerita pendek yang mudah. Objektif ini adalah terjemahan dalam bahasa Inggeris di dalam buku modul SP (CAD18275/SP).

Untuk modul dua, objektif yang perlu dikuasai oleh kanak-kanak juga adalah tujuh iaitu: (i) menyebut huruf vokal pendek ‘a’, ‘e’, ‘i’, ‘o’ dan ‘u’, (ii) menyebut bunyi semua huruf konsonan (kecuali ‘q’ dan ‘z’) mengikut

susunan yang betul, (iii) mengadun dan membaca suku kata KV, VK, KVK dan KVKK / KKVK secara kiri ke kanan, (iv) Membatangkan suku kata KV, VK dan perkataan KVK/ KKVK dalam unitnya, (v) membaca perkataan ‘sight words’ yang mudah dengan teknik lihat dan baca, (vi) membaca serta memahami perkataan, frasa, ayat dan cerita pendek dan (vi) menamakan, menyusun dan menulis huruf mengikut susunan yang betul. Objektif ini adalah terjemahan dalam bahasa Inggeris di dalam buku modul SP (CAD18275/SP).

ii. Jolly Phonics (JP)

Untuk JP, hanya GP09 yang menggunakan JP beliau menggunakan telah pun dibincangkan. Melalui pemerhatian dokumen (CAD/GP09) GP09 juga mempunyai sijil latihan untuk kursus JP ini. Seperti modul SP, JP juga mempunyai modulnya sendiri dalam pelaksanaannya (CAD20/GP09). Selain Modul, JP juga dibekalkan dengan

tiga buah buku latihan (CAD11/GP09). Apa yang penting untuk diketahui adalah lebih kepada pelaksanaannya.

Sama dengan kaedah SP, kaedah JP juga merupakan kaedah fonetik. Tetapi apa yang membezakannya dengan kaedah SP ialah guru memperkenalkan huruf hanya dengan bunyi berserta dengan aksi. Aksi digunakan menggunakan anggota badan dan ini bertujuan untuk kanak-kanak mengingat bunyi huruf berkenaan. Contoh temu bual yang menggambarkan bagaimana JP diajarkan adalah melalui temu bual berikut:

“Jolly Phonics’ lebih kepada kita menggunakan bunyi dan dia tak menyebut huruf, tetapi lebih kepada bunyi, juga guru memperkenalkan... apa ‘action’ untuk murid cepat mengenal bunyi tersebut. Tunjuk huruf, tapi murid sebut bunyi.”

(TB/GP09:2-36)

Semasa PdP dijalankan, dilihat GP09 menyebut perkataan ‘book’ dan bertanya dengan kanak-kanak adakah mereka mendengar bunyi depan huruf ‘beh’ untuk ‘book’. Pemerhatian ini jelas menunjukkan guru tidak menyebut huruf ‘b’ tetapi hanya menghendaki kanak-kanak mengetahui bunyinya. Contohnya pada pemerhatian video berikut:

“GP09: First... book.

Pupil: Book.

GP09: Can your hear ‘beh’ in book. Yes or no.

Pupil: Yes...”

(CaPTT/V18/GP09)

Berbanding dengan SP yang lebih memperkenalkan 26 bunyi huruf, kaedah JP ini pula memperkenalkan 49 bunyi huruf yang dibahagikan kepada tujuh kumpulan. Untuk kaedah JP ini, GP09, dilatih untuk mengajarkan satu bunyi sehari kepada kanak-kanak. Contoh temu bual adalah seperti berikut.

“49 bunyi, dia ada tujuh kumpulan, contohnya untuk kumpulan satu, dia ada bunyi...ss... eh. ada... enam bunyi. Camtulah, dia ada tujuh kumpulan. 42 itu di...ter... terbahagi kepada tujuh kumpulan. Jadi, kami di, diajar supaya dalam satu hari, mengajar satu bunyi.”

(TB/GP09:5-40)

Pemerhatian dokumen yang ditunjukkan memberikan jumlah 49 bunyi huruf yang perlu murid kuasai. Kad huruf konsonan memperlihatkan 40 bunyi huruf dan selebihnya adalah bunyi vokal (rajah 4)

RAJAH 4: Kad huruf vokal dan konsonan dengan pergerakan



iii. Sound Family Identification Approach (SOFIA)

Hanya GP07 pernah menggunakan SOFIA setelah masuk fasa hujung tahun persekolahan di mana murid telah mengenal huruf. GP07 menyatakan bahawa kaedah SOFIA mempercepatkan murid membaca. Pendapat ini juga turut dipersejui oleh GP08. Contoh temu bual yang direkodkan adalah seperti berikut:

“Cikgu mengajar SOFIA ni dulu untuk murid, cikgu dah, dah masuk fasa hujung tahun, mereka dah kenal ABC. Cikgu rasa, jadi mereka akan cepat la membunyikan keluarga, bunyi- bunyi dalam Phonic bahasa Inggeris itu. ‘ea’, lepas tu cikgu letak ‘mm’ ‘add ‘mm’. ‘ea’. Contoh ‘ea’. ‘Head’, ‘bh’, ‘ch’, macam tu la. Cepat lagi la bila murid tu sudah menguasai... semua huruf.”

(TB/GP07:7-61)

“Kita boleh gunakan SOFIA. Sebab SOFIA ni, dia mempercepatkan lagi bacaan. Itu, pada pandangan saya lah.”

(TB/GP08:4-16)

Terdapat satu perkara yang menarik perhatian penyelidik adalah tentang kad bacaan kaedah SOFIA yang dibuat sendiri oleh GP08 (CAD17/GP08) dan (CAD11/GP08). Kad bacaan ini dihasilkan disebabkan oleh ketiadaan bahan-bahan sebagai suplemen modul yang diberi. Contoh temu bual yang menyatakan perkara ini adalah seperti berikut:

“...saya bukannya opsyen bahasa Inggeris, dan kita telah diberi tanggungjawab. Kita perlu mengajar bahasa Inggeris kan, kesian jugak dengan, anak-anak murid kita, tak tahu bahasa Inggeris. Jadi kena belajarlah. Saya belajar baca... lepas tu saya fokus... buat BBM... Hasilkan sendiri”

(TB/GP08:9-39)

Kaedah SOFIA ini juga mempunyai modulnya tersendiri yang mengandungi tiga bahagian utama iaitu: (i) mengandungi senarai bunyi huruf vokal dan konsonan dengan ‘keluarga huruf’ atau ‘grapheme’ serta contoh perkataan, (ii) mengandungi ‘SOFIA pictogram’ iaitu gambarajah yang mengandungi cara sebutan sesuatu huruf dengan contoh perkataan. Terdapat juga contoh PdP yang menggunakan strategi ‘hook, look and sound, form’, (iii) Cadangan tema mingguan yang berdasarkan DSKPK semakan 2017 (CAD2200/SOFIA), (CAD5129/SOFIA) dan (CAD1013/SOFIA). Tambahan daripada bahagian (1), seperti yang didapati dalam modul SOFIA, sebelum menggunakan modul ini, guru perlu untuk memuat naik dokumen ‘Interactive British Council Phonemic Chart’ di laman web ‘British Council’. Kegunaan ‘IPA Symbol’ adalah untuk guru memastikan bahawa sebutan huruf atau keluarga bunyi huruf adalah betul (rajah 5).

RAJAH 5: Modul SOFIA dan IPA symbol

Sound	Grapheme	Examples	Sound	Grapheme	Examples
/b/	b bb	baby ribbon	/h/	h	hat
/k/	c k ck ch q	cup kettle clock orchid queen	/dʒ/	j g ge dge	jug giraffe cabbage bridge



Penggunaan kaedah fonetik dalam pengajaran bahasa Inggeris bukanlah sesuatu yang baru di Malaysia melainkan menggantikan kaedah ‘whole-language approach’ yang selama ini digunakan untuk kemahiran kemahiran membaca (Shalihah, 2019). Penggunaan kaedah fonetik sememangnya selari dengan kaedah yang dicadangkan oleh kerajaan di peringkat persekutuan seperti yang terkandung di dalam buku pelan pembangunan pendidikan kebangsaan 2013-2025. Penggunaan kaedah fonetik adalah strategi yang baru dalam memperkenalkan kemahiran membaca dan literasi untuk pengajaran bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua (Blueprint, 2013). Dapatkan kajian oleh Berkowitz (2022) mendapati bahawa penggunaan pengajaran kaedah fonetik dalam membaca lebih efektif jika dibandingkan dengan kaedah ‘whole-language approach’ dalam pengajaran bahasa Inggeris di peringkat rendah.

b. Kaedah Common European Framework of Reference (CEFR)

Terdapat beberapa contoh temu bual yang menunjukkan peserta kajian menggunakan kaedah CEFR dalam pelaksanaan pengajaran bahasa Inggeris di prasekolah terutamanya untuk kemahiran mendengar dan bertutur. Contohnya, GP07 menyatakan bahawa kaedah CEFR ini sesuai digunakan untuk mengajar kemahiran mendengar dan bertutur. Apabila murid memberi maklum balas, maklum balas berkenaan digunakan oleh guru untuk memperkenalkan atau menambahkan lagi perkataan-perkataan yang mudah dalam bahasa Inggeris. Contoh perbualan adalah seperti di bawah:

“CEFR ni ada, lebih kepada ‘listening’. Dengar, dengan murid memberi respon, apa yang kita cakap. Dengar, dengan ‘respond’. ‘Use respon’, guna perkataan yang ‘verbal’ dengan ‘non-verbal’ tu, istilah yang kita guna, dan banyak, perkataan-perkataan ‘simple’ yang kita boleh perkenalkan.”

(TB/GP07:3-39)

Bersetuju dengan pendapat GP07, GP08 dan GP10 menambah bahawa kaedah CEFR ini sangat penting. Beliau membandingkan kaedah CEFR ini dengan kaedah fonetik di mana adalah lebih penting untuk tahu sesuatu maksud perkataan itu dan bukan hanya tahu membaca sahaja. Beliau menambah bahawa jika kanak-kanak hanya tahu membaca sahaja, ini akan menyusahkan guru bahasa Inggeris di aliran perdana nanti. Contoh temu bual yang direkodkan adalah seperti berikut:

“Jadi, saya rasa, CEFR tu memang penting. Kalau budak, dia tahu ‘reading’ saja, dia tak tahu maksud perkataan yang diajar nanti, cikgu-cikgu tahun-tahun akan datang pun susah, dia tau, baca saja. Jadi, kita kena ajar dia ‘listening’ dengan ‘speaking’. CEFR ni pentinglah bagi saya.”

(TB/GP08:3-44)

“Jadi apabila kita menggunakan kaedah CEFR. Mereka akan lebih mengenali... ah... persekitaran mereka dengan bahasa Inggeris, tetapi di dalam ‘Smarter Phonics’, mereka lebih banyak membaca.”

(TB/GP10:10-25)

Pemerhatian video daripada GP12 (CaPTT/V2/GP12), menunjukkan guru banyak memberikan arahan-arahan dalam bahasa Inggeris kepada kanak-kanak. Kanak-kanak dilihat biasa dengan arahan-arahan guru dan mengikutnya dengan pemahaman. Apabila guru memberikan arahan kepada murid lelaki untuk berdiri, secara automatik hanya kanak-kanak lelaki sahaja yang berdiri. Ini bermaksud guru mempraktikkan kemahiran mendengar kepada kanak-kanak.

Pemerhatian kelas GP03 (CaPTT/V4/GP03) pula dilihat menekankan perkataan-perkataan yang mudah kepada murid seperti ‘*father*’, ‘*mother*’ and ‘*brother*’ dan kanak-kanak diperhatikan terbiasa dengan perkataan berkenaan. PdP adalah mengikut tema ‘*my family*’ dalam Scheme of work (SOW) dalam kaedah CEFR. SOW merupakan jantung kepada modul CEFR ini. Ini kerana SOW mencadangkan standard kandungan dan aktiviti yang boleh dilakukan oleh guru dalam PdP menggunakan kaedah CEFR. Secara umumnya, apa yang terkandung dalam SOW ini adalah mengenai tiga rangka kerja yang mesti ada dalam aktiviti PdP jika menggunakan kaedah CEFR ini iaitu (i) set induksi atau ‘*opening time*’, (ii) pembangunan pembelajaran atau ‘*circle time*’ yang mengandungi tiga

perkara iaitu ambil bahagian atau ‘*engage*’, melibatkan diri atau ‘*encounter*’ dan meneroka atau ‘*exploit*’ dan (iii) ‘*reflection*’ atau ‘*closing*’ (CAD3633/CEFR). Bagi peserta kajian, mereka hanya mengikut sahaja aktiviti PdP dalam SOW yang telah digariskan di dalam kaedah CEFR ini. Ada yang menyatakan SOW ini adalah lebih sistematik. Contoh temu bual adalah seperti berikut:

“CEFR itu saya ikut ‘framework’ yang sudah, aktiviti sudah dirancangkan.”

(TB/GP11:17-11)

“Saya akan tengok dulu la, kalau... kalau... apa? Kaedah tu sesuai, saya guna. Tapi mengikut ‘scheme of work’ tu. Saya akan pilih, carik, yang carik yang lebih senang lah, senang-senang untuk budak apa nama? Budak level mereka ni.”

(TB/GP03:6-38)

“Scheme of Work’ tu, yang diberi untuk... CEFR tu, memang tersusun. Tersusun, senang kita nak buat BBM. Senang kita nak ajar apa yang perlu di sana pun ada ‘sentence... words’ yang perlu dikuasai... kalau untuk CEFR. Kalau tak ada ‘framework’ CEFR tu, saya rasa susah saya nak ajar budak...”

(TB/GP08:3-49)

Dari segi pelaksanaan PdP menggunakan SOW, pemerhatian video yang dibuat dengan peserta GP12 memperlihatkan sesuatu yang menarik. Penerangan tentang segala aktiviti PdP pada hari itu menunjukkan beliau menggunakan pengajaran menggunakan tiga SOW secara menyeluruh iaitu ‘*opening*, *circle time*’ dan refleksi (CaPTT/V16/GP12).

Kurikulum Bahasa Inggeris prasekolah telah disesuaikan dengan CEFR untuk memastikan pembelajaran yang berperingkat dan sesuai dengan perkembangan anak-anak. Melalui kajian komprehensif mengenai pengalaman negara lain yang telah melaksanakan CEFR, terbukti bahawa CEFR dapat meningkatkan proses PdP bahasa Inggeris. Malaysia pada masa ini telah menerapkan CEFR dalam pendidikan bahasa Inggerisnya dalam usaha untuk menyelaraskan sistemnya dengan piawaian antarabangsa agar dapat memastikannya bersaing secara global. Namun, kajian menunjukkan bahawa agar reformasi dapat mencapai tujuan yang diharapkan, kesedaran dan kepercayaan guru harus dipertimbangkan (C. Alih et al., 2020).

c. Integrasi Kaedah

Integrasi kaedah bermaksud peserta kajian menggunakan pelbagai kaedah dalam pengajaran bahasa Inggeris. Integrasi kaedah ini dibahagikan kepada dua iaitu; (i) integrasi fonetik bahasa Inggeris dan bahasa Melayu dan (ii) mempelbagaikan kaedah.

i. Integrasi Fonetik Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris

Terdapat beberapa contoh data yang menunjukkan penggunaan integrasi fonetik bahasa Melayu dan bahasa Inggeris. Contohnya, GP02, GP05 dan GP10 berpendapat bahawa pengajaran fonetik bahasa Inggeris dan bahasa Melayu ini boleh dilakukan sekali. Ini mengambil kira kerana terdapat bunyi fonetik yang sama antara bahasa Inggeris dan bahasa Melayu. Contoh data temu bual yang direkodkan adalah seperti berikut:

“Serampang dua mata. Maksudnya, satu, saya ajar satu, tetapi boleh digunakan untuk dua bahasa. Contoh, ya, kalau saya mengajar ‘b’... ‘beh’ BM. Kalau dalam bahasa Inggeris, kita sebut pun ‘beh’ jugak.”

(TB/GP02:3-31)

“Saya menggunakan kaedah ‘Smarter Phonic’, dengan... ‘more to Smarter Phonic’ la, untuk bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu.”

(TB/GP05:2-18)

“Apabila saya didedahkan dengan phonics, saya mula menguasainya, tapi, kita didedahkan dengan Smarter Phonics, so kita tahu, setiap huruf itu, mempunyai bunyi dan bunyi itu lebih, kurang sama dengan bahasa Melayu. Walaupun ada sebilangan bunyi, sukaan itu lain tetapi kita boleh belajar teknik ‘blending’ dia.”

(TB/GP10:4-45)

Semasa pemerhatian kelas dilakukan GP03 (CAPTT/V3/GP02) menggunakan pengulangan tema tentang keluarga saya dalam bahasa Melayu tetapi diulang semula dan diterjemahkan dalam bahasa Melayu. Bagi GP05 pula, (CaPTT/V49/GP05) semasa melakukan refleksi, beliau menyatakan bahawa aktiviti yang dilakukan untuk pembelajaran bahasa Inggeris hari ini akan diulang untuk esok hari tetapi dalam bahasa Melayu.

ii. Mempelbagaikan Kaedah

Walaupun SP dan CEFR adalah diwajibkan kaedah penggunaannya, namun dilihat peserta juga menggunakan ataupun mengintegrasikan pelbagai kaedah dalam pengajarannya. Pelaksanaannya adalah lebih kurang sama dengan integrasi fonetik bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu, cuma ia menggunakan beberapa kaedah yang dipelajari oleh peserta kajian, Beberapa kaedah yang mereka pelajari ini digabungkan mengikut kesesuaian murid.

GP04 menggunakan kaedah yang dikaitkannya lebih kepada kaedah campuran. GP04 menggabungkan kaedah yang dipelajarinya setelah melihat kepada keperluan muridnya. Dia melihat ada sesetengah kaedah yang digunakan sekarang adalah tinggi dan perlu untuk justifikasi. Sebagai memudahkan pemahaman murid beliau menggunakan permainan, penggunaan video ataupun ‘powerpoint’ untuk pengajarannya.

“Saya lebih banyak menggunakan kaedah, saya rasa kaedah, campur la...”

(TB/GP04:10)

“Saya tengok kepada kesesuaian tahap perkembangan murid saya sebab kaedah yang ada sekarang ni, macam c...CEFR yang digunakan sekarang ni, dia ada yang aras tinggi. Tapi, untuk saya ‘downgrade’ kan lagi aras tu, haa saya lebih banyak menggunakan belajar melalui bermain... permainan... lepas tu penggunaan video, bahan-bahan maujud... bahan apa ni? Bahan yang murid tu... senang nak pegang. Selain daripada itu... saya jugak menggunakan apa saya nak pakai tadi ya? Persembahan ‘powerpoint’ untuk mereka nampak sendiri... apa yang cuba disampaikan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris.”

(TB/GP04:3-86)

GP08 pula mempelbagaikan kaedah apabila melihat kepada keimbangan perbezaan kaedah dalam pengajaran bahasa Inggeris yang tidak berkesinambungan ke darjah satu. GP08 bimbang akan kekeliruan murid bila memasuki darjah satu apabila terdapat perbezaan terutamanya pada bunyi huruf serta dengan ‘sign language’. Contoh temu bual yang direkodkan adalah seperti di bawah:

“Sound’ tu memang sama... tapi, cara ‘sign language’ dia, tak sama. Mereka... mereka yang dari PPD hari tu ada menegur kami... kalau boleh, gunakan... sama dengan yang mereka punya lah. ‘Sign language’ tu. Ahh... sama dengan darjah satu.”

(TB/GP08:11-39)

Pelaksanaan pengajaran di prasekolah tidak berdasarkan silibus yang perlu untuk dikejar dan dihabiskan tetapi lebih kepada bergantung harap kepada kemahiran guru dalam mempersempitkan cara mengajarnya supaya mudah difahami oleh kanak-kanak. Kecekapan yang tinggi dalam bahasa Inggeris menjadi kepentingan sekunder apabila para guru lebih mementingkan peranan untuk mendidik, memupuk dan memelihara minda kanak-kanak (P. S. Goh, 2019). Guru bukan hanya bertumpu kepada pengajarannya, tetapi harus menjadi pemudahcara kepada kanak-kanak. Walaupun guru prasekolah memahami bahawa penguasaan bahasa inggeris tetap menjadi ciri utama untuk meningkatkan kualiti pengajaran, tetapi mereka juga harus mempunyai pemahaman, minat dan prihatin terhadap kepelbagaian kanak-kanak di dalam kelas yang sama(P. S. Goh, 2019). Dalam konteks pengajaran bahasa Inggeris, kepelbagaian kanak-kanak inilah yang menyebabkan guru menggunakan dan mengasimilasi kaedah yang berbeza untuk memenuhi keperluan dan gaya pembelajaran pelajar

Persoalan Kajian 2: Bagaimakah Strategi Pembelajaran Bahasa Inggeris di Prasekolah Sarawak


Dalam menjawab persoalan ini, terdapat lima tema utama yang muncul iaitu; (a) penggunaan ‘bi-language’ atau

'tri-language' , (b) belajar sambil bermain, (c) pengintegrasian pdp, (d) mempelbagaikan sumber BBM dan (e) pemusatan murid.

a. Penggunaan "Bi-Language" atau "Tri Language"

Penggunaan 'bi-language' atau 'tri-language' menjadi amalan biasa dilakukan oleh guru dalam pengajaran bahasa Inggeris di prasekolah (Penggunaan 'bi-language' atau 'tri-language' dikategorikan kepada dua iaitu; (i) penggunaan bahasa ibunda dalam instruksi dan (ii) penggunaan perkataan bahasa Melayu dalam instruksi (rajah 6).


RAJAH 6: Penggunaan bi-language atau tri-language



i. Penggunaan Bahasa Ibunda Dalam Instruksi

Penggunaan bahasa ibunda dalam instruksi oleh peserta kajian adalah untuk memudahkan pemahaman kanak-kanak. Ini terutamanya apabila melibatkan perbualan dan arahan dengan mereka (rajah 7).

RAJAH 7: Penggunaan bahasa Ibunda dalam instruksi



Terdapat beberapa contoh temu bual yang menunjukkan penggunaan "bi-language" atau "tri-language" dalam pelaksanaan pengajaran bahasa Inggeris. GP04 yang mengajar di perkampungan nelayan yang majoritinya berbahasa Melayu Sarawak menyatakan adalah penting untuk membuat terjemahan semasa instruksi bagi memudahkan pemahaman kanak-kanak. Contoh data temu bula yang direkodkan adalah seperti berikut:

"Okay, masalahnya ialah... ini berdasarkan kepada pengalaman saya sendiri lah. Masalahnya ialah murid ni, sebab bahasa Inggeris adalah bukan bahasa pertama mereka, bukan bahasa ibunda mereka, jadi dalam nak... nak membiasakan mereka dengan bahasa Inggeris, cakap bahasa Inggeris, lepas tu... nak kena 'translate' dalam bahasa Melayu, untuk memudahkan mereka faham."

(TB/GP04:3-50)

Bagi GP01, GP03, GP07 dan GP08, adalah agak sukar jika menggunakan bahasa Inggeris di perkampungan yang majoriti anak murid mereka berbahasa Iban. Contoh temu bula yang direkodkan adalah seperti di bawah:

"Memang sukar lah, untuk kita bercakap bahasa Inggeris dengan kanak-kanak yang berlatarbelakangkan bahasa ibunda mereka Iban, ataupun bercakap sebagai orang kampung lah. Tapi, apa yang saya sedang lakukan ialah, apabila kita bercakap bahasa Inggeris, saya akan 'translate' balik, dalam bahasa Melayu, dan bahasa Iban."

(TB/GP01:5-44)

"Kalau bahasa Iban ke bahasa Inggeris, owh cepat. Memang mereka cepat, tapi kita, kalau kita guna... 'fully in English' memang mereka macam... lama... jadi kita terpaksa 'translate' lah. Daripada bahasa Inggeris, ke bahasa Iban. Bila kita mula sebut, mereka blur... tengok... tak ada respon... blur je, tukar ke bahasa Iban."

(TB/GP03:8-49)

"...memang 'fully' bahasa Inggeris tu memang tak boleh jugak. Dwi-bahasa lah, mereka boleh faham. Apa arahan mudah cikgu dalam bahasa Inggeris tu, mereka boleh faham."

(TB/GP07:3-25)

"Bahasa ibunda yang digunakan di... di prasekolah kami ini, sebab majoriti di sini, Iban. Jadi, kita berbahasa Iban. Sampai di kelas pun... kadang tersulut juga bahasa Iban."

(TB/GP08: 2-27)

Daripada pemerhatian kelas, GP08 selalu tersulut menggunakan bahasa Iban. Sebagai contoh, sebelum memulakan kelas lagi GP08 menggunakan instruksi dalam 'tri-language' iaitu bahasa Inggeris, bahasa Melayu dan bahasa Iban iaitu dengan mengatakan 'look at me', 'tengok saya' dan 'pedak ci'gu auk' (CaPTT/V0/GP08).

GP06 yang mengajar di sekolah jenis kebangsaan (SJKC) juga menggunakan 'tri-language' dalam instruksinya dalam pengajaran bahasa Inggeris. Contoh temu bula yang direkodkan adalah seperti berikut:

“...jadi bila pdp dijalankan terpaksa juga, guna... dwi-bahasa juga. Kadangkala guna bahasa Melayu, kadangkala guna bahasa Cina, kalau bahasa Inggeris, saya akan guna 3 bahasa. Cina, Melayu, dengan English.”


(TB/GP06: 2-29)

Semasa pemerhatian kelas, dilihat GP06 ada menggunakan instruksi dalam bahasa Cina sama ada arahan-arahan atau menterjemahkan perkataan. GP06 menggunakan bahasa Cina semasa menyuruh kanak-kanak bersedia untuk PdP seterusnya (CaPTT/V0/GP06).

ii. Penggunaan Bahasa Melayu Dalam Instruksi

Melalui pemerhatian kelas dan temu bual yang dijalankan, ke semua peserta kajian menggunakan bahasa Melayu sebagai instruksi terutamanya untuk menterjemah arahan dan perkataan bahasa Inggeris (rajah 8).

RAJAH 8: Penggunaan bahasa Melayu dalam instruksi



Terdapat beberapa contoh temu bual yang direkodkan. GP04 menyatakan bahawa jika guru hendak membiasakan murid bercakap dalam bahasa Inggeris, guru hendaklah menterjemah apa arahan ataupun intruksi mereka dalam bahasa Melayu untuk memudahkan pemahaman mereka. Contoh data temu bual yang menunjukkan perkara ini adalah seperti di bawah.

“...jadi dalam nak, nak membiasakan mereka dengan bahasa Inggeris, ... cakap bahasa Inggeris, lepastu... nak kena translate dalam bahasa Melayu, untuk memudahkan mereka faham.”

(TB/GP04:3-24)

Dalam pemerhatian kelas (CaPTT/V4/GP01) GP01 memberikan arahan cikgu '*will call names*' dan menyatakan juga dalam bahasa Melayu bahawa 'cikgu akan panggil nama'. Dua minit selepas itu, GP01 sekali lagi menggunakan '*bi-language*' dengan menterjemah arahan bahasa Inggeris '*today I will teach you the sound of letter a,c,b,m*' dalam bahasa Melayu dengan mengatakan 'hari ini cikgu akan mengajar kamu bunyi huruf a,c,b,m'.

Jadual di bawah adalah contoh amalan yang sama dilakukan oleh 10 peserta kajian yang lain (jadual 3).

JADUAL 3: Instruksi bahasa Inggeris diterjemahkan dalam bahasa Melayu

Peserta Kajian	Contoh Data Pemerhatian	Instruksi Bahasa Inggeris	Terjemahan Dalam Bahasa Melayu
GP02	CaPTT/V4/GP02	<i>Say after me... 'my family'</i>	dalam bahasa Melayu dipanggil keluarga saya
GP03	CaPTT/V3/GP03	<i>Atok... atok, how to say in English...</i>	Grandfather... ok good
GP05	CaPTT/V15/GP05	<i>What do you want to do with those paper</i>	Cikgu nak tanya apa yang awak nak buat dengan kertas tu
GP06	CaPTT/V3/GP06	<i>This is kite</i>	Layang-layang bahasa Melayu ha...
GP07	CaPTT/V31/GP07	<i>Teacher, my I go to toilet</i>	Cikgu nak pergi tandas
GP08	CaPTT/V2/GP08	<i>Wait...wait first</i>	Tunggu...tunggu dulu
GP09	CaPTT/V3/GP09	<i>In English we say sharpener</i>	Pengasah....
GP10	CaPTT/V2/GP10	<i>Same... different... same... different</i>	'Same' adalah sama ah... 'different' tak sama
GP11	CaPTT/V2/GP11	<i>We taste....</i>	'taste' itu adalah rasa...
GP12	CaPTT/V10/GP12	<i>Zero...</i>	Tak ade kan


Penggunaan “*Bi-Language*” atau “*Tri-Language*” dalam konteks strategi pengajaran bahasa Inggeris merujuk kepada lebih daripada

satu bahasa digunakan dalam proses PdP. Penggunaan bahasa “*bi-language*” dalam pengajaran bahasa Inggeris harus dipromosikan dan guru perlu menyediakan platform mengenai cara melakukannya (Xiao et al., 2020). Dalam kajian Auleear Owodally (2015), salah satu strategi yang dicadangkan dalam melaksanakan pendekatan “*bi-language*” adalah dengan membangunkan persamaan antara bahasa ibunda dan bahasa Inggeris dalam pengajaran. Guru-guru melihat “*bi language*” sebagai pendekatan praktikal dalam ELT prasekolah (Baker, 2019; Bernstein et al., 2021).

b.Belajar Sambil Bermain

Strategi pembelajaran bahasa Inggeris yang juga digunakan oleh guru adalah belajar sambil bermain. Belajar sambil bermain ini dibahagikan kepada tiga yang utama iaitu: (i) penggunaan nyanyian dalam PdP, (ii) penggunaan permainan dan (iii) penggunaan ‘*sign language*’ (rajah 9).


RAJAH 9: Belajar sambil bermain



i. Penggunaan Nyanyian

Strategi pembelajaran bahasa Inggeris menggunakan nyanyian digunakan oleh kesemua peserta kajian. Data penggunaan nyanyian ini banyak diperolehi daripada pemerhatian kelas dan sedikit sebanyak daripada temu bual (rajah 10).

RAJAH 11: Penggunaan Nyanyian Oleh Peserta Kajian



GP11 menyatakan bahawa penggunaan nyanyian untuk kanak-kanak amat penting. GP 11 percaya bahawa penggunaan nyanyian membolehkan kanak-kanak cepat memahami apa yang diajarkan. Contoh temu bual yang direkodkan adalah seperti berikut:


“Nursery rhyme” itu, ‘is very important for children’. Sebab itu, kamu tengok mereka itu ‘tap tap tap, little finger up, little finger down’ itu sangat penting dan mainkan untuk mereka selalu, sampai, kamu tengok budak tak dengar, tapi ‘they are listening’.

(TB/GP11:27-41)

ii. Penggunaan Permainan

Untuk penggunaan permainan, hampir kesemua peserta kajian menggunakanannya (rajah 12).

RAJAH 12: Penggunaan Permainan



Bagi GP01, GP04 dan GP06, penggunaan permainan adalah penting untuk kanak-kanak prasekolah. Permainan dapat menarik perhatian dan menyeronokkan mereka dengan dibantu oleh BBM yang sesuai.

“Apabila kita menyebut tentang kanak-kanak, kita harus terapkan konsep bermain, kerana jiwa kanak-kanak tersebut, dia lebih kuat untuk bermain, jadi apabila saya mengajar bahasa Inggeris, saya akan berikan mereka bahan ataupun alat bantu mengajar, yang menarik.”

(TB/GP01:2-36)

“...tarik mereka, tarik mereka untuk minat bahasa bahasa Inggeris ni, melalui permainan aplikasi ‘game’.”

(TB/GP04:4-14)

“Mereka lebih seronok kalau saya ada sesuatu yang lain, contohnya... Game tu ka... kuiz tu ka... mereka seronok nak cuba.”

(TB/GP06:3-20)

Semasa pemerhatian kelas dijalankan, terdapat empat permainan popular yang digunakan oleh peserta kajian adalah kuiz, meneka gambar, permainan tunjuk huruf atau objek (jadual 4).


JADUAL 4: Penggunaan permainan yang digunakan peserta kajian

Peserta Kajian	Kuiz	Meneka Gambar	Tunjuk Huruf	Tunjuk Objek	Data
GP01			/		CaPTT/V8/ GP01
GP03		/		/	CaPTT/V6/ GP03
GP04		/		/	CaPTT/ V31/GP04
GP05		/		/	CaPTT/V1/ GP05
GP06	/				CaPTT/ V21/GP06
GP07					CaPTT/V5/ GP07
GP08			/		CaPTT/V4/ GP08
GP09			/		CaPTT/ V12/GP09
GP10		/		/	CaPTT/ V14/GP10
GP11	/			/	CaPTT/V9/ GP11
GP12	/			/	(CaPTT/ V7/GP12)

iii. Penggunaan “Sign language” atau “Body Language”

‘Sign language’ atau ‘body language’ dalam strategi pengajaran bahasa Inggeris digunakan terutamanya dalam mengajarkan bunyi huruf kepada kanak-kanak (rajah 13).

RAJAH 13: Penggunaan sign language / body language



GP04, GP09, GP10 dan GP12 sependedat bahawa penggunaan ‘sign language’ adalah untuk membantu kanak-kanak lebih memahami apa yang diajarkan kepada mereka. Kanak-kanak memahami apa yang diajarkan oleh guru, tetapi mereka respon dengan ‘sign language’ atapun ‘body language’ jika mereka tidak memahaminya. Contoh perbualan yang direkodkan adalah seperti berikut:

“dan selain daripada itu, kadang-kadang melalui daripada perbuatan, pergerakan.”

(TB/GP04:3-9)

“Ada macam bahasa isyarat lah, untuk mereka mudah ingat bunyi tersebut.”

(TB/GP09:7-11)

“senang, menerima... apa yang kita ajar jika lau mereka tidak faham, mungkin kita boleh bantu mereka dengan menggunakan ‘sign language’.”

(TB/GP10:3-19)

“Apa yang kita nak, ialah, kita nak biasakan murid mendengar bahasa tersebut, dan mereka menggunakan kaedah lain untuk merespon, sama ada mereka menggunakan... isyarat badan ke atau ambik, contohnya ‘American Sign Language’.”

(TB/GP12:10-32)

Strategi belajar sambil bermain menyediakan persekitaran positif dalam membantu perkembangan kanak-kanak prasekolah. Terdapat beberapa kajian yang memperakui belajar sambil bermain merupakan salah satu strategi yang

berkesan dalam PdP di sekolah (Chew Fong Peng & Mohd Fikri Ismail, 2020; Janius et al., 2023; Mohamed Norok & Kamarudin, 2022). Belajar sambil bermain adalah strategi yang sangat efektif untuk kanak-kanak. Strategi ini menekankan pada pentingnya menciptakan lingkungan belajar yang menyenangkan dan interaktif, di mana anak-anak dapat belajar melalui pengalaman langsung dan eksplorasi.


c. Pengintegrasian Pengajaran dan Pembelajaran (PdP)

Pengintegrasian PdP ini dibahagikan kepada dua iaitu: (i) integrasi bahasa Inggeris dengan rutin harian dan (ii) Integrasi bahasa Inggeris dengan tunjang lain.

i. Pengintegrasian PdP dengan Rutin Harian

Majoriti peserta kajian menggunakan amalan mengintegrasikan pengajaran bahasa Inggeris dengan rutin harian. Penggunaan rutin harian dalam bahasa Inggeris ini kebiasaan digunakan dalam perbualan pagi, masa rehat dan sewaktu balik (rajah 14).

RAJAH 14: Pengintegrasian PdP dengan Rutin Harian



Penggunaan bahasa Inggeris yang mudah merupakan rutin harian untuk perbualan pagi yang dipraktikkan oleh GP10 dan GP12. Contoh temu bual yang direkodkan adalah seperti berikut:

“Bahasa rutin kita... ‘Stand up, sit down, good Morning or maybe... teacher, may I go to the washroom or toilet’ bertutur ‘simple, simple conversation...’ seperti yang saya terangkan tadi ialah... awal-awal, biasanya kita akan gunakan, bahasa kita dalam ‘certain time’. Penggunaan Bahasa Inggeris juga kita selitkan mereka, di dalam perbualan awal, sehingga dia bukan lagi menjadi slot pengajaranlah. Dia jadi rutin.”

(TB/GP10:6-61)

“...saya ada rutin, pada waktu pagi kan, rutin... jadi sepanjang tu, saya akan guna bahasa Inggeris lah, tanya mereka tentang cuaca, tentang ‘apa khabar’...bagaimana kesihatan mereka, mereka sudah makan ke belum, and then dan, macam contohnya, ‘what you eat today?’”

(TB/GP12:9-40)

GP08 pula menggunakan bahasa Inggeris dalam bentuk doa dalam agama Kristian sebelum kanak-kanak makan (GaPTT/V0/GP08). GP08 memanggil seorang kanak-kanak di hadapan untuk memimpin bacaan doa berkenaan tetapi beliau sendiri yang membaca dan kanak-kanak mengikut. Transkrip doa tersebut adalah seperti berikut:

“GP08: We pray...

Murid: We pray...

GP08: Father haven...

Murid: Father haven...

GP08: Thank you Lord...

Murid: Thank you Lord...

GP08: For the food and drink

Murid: For the food and drink

GP08: Blesses us...

Murid: Blesses us...

GP08: In Jesus name

Murid: In Jesus name...


GP08: Ameen.

Murid: Ameen.”

ii. Integrasi Bahasa Inggeris dengan Tunjang yang Lain

Selain integrasi bahasa Inggeris dengan rutin harian, peserta kajian juga dilihat cenderung dalam mengintegrasikan pengajaran bahasa Inggeris dengan tunjang yang lain (rajah 15). .

RAJAH 15: Integrasi Pengajaran Bahasa Inggeris dengan Tunjang Lain



Dalam pemerhatian dokumen, terdapat enam peserta kajian yang menggabung jalinkan bahasa Inggeris dengan tunjang yang lain dan ditulis dalam RPH iaitu GP04, GP05, GP08, GP09, GP11 dan GP12. GP04 (CAD1349/GP04) dan GP11 (CAD1270/GP11) menggabung jalinkan bahasa Inggeris dengan tunjang kreativiti dan estetika. GP05 (CAD1153/GP05), GP08 (CAD1530/GP08), GP09 (CAD2114/GP09) dan GP12 (1113/GP11) pula menggabung jalinkan pengajaran bahasa Inggeris dengan tunjang keterampilan diri.

Bagi GP01 dan GP02, mereka menyatakan tentang menggabung jalinkan pengajaran bahasa Inggeris dengan matematik. Selain mengajar kemahiran membaca, menulis, mendengar atau bertutur, dalam masa yang kemahiran mengira juga dapat diterapkan. Contoh temu bual yang direkodkan adalah seperti berikut:

“Kita menggabung jalinkan lah antara setiap, contohnya, ada ‘English’, matematik. kita belajar bahasa Inggeris, jadi... kalau macam itu saya... terangkan mereka, tak semestinya nombor satu, kita sebut satu saja. Sampai hujung tahun. Kita, satu, kita sebut ‘one’. Dua, kita pun sebut ‘two’.”

(TB/GP01:5-41)

“...dalam masa sama, kita boleh mengajar dalam kemahiran mengira. Sambil murid... bergerak, dia boleh mengira. Langkah-langkah... Kita, sebabnya... kita bukan hanya... fokuskan kepada satu kemahiran saja.”

(TB/GP02:7-26)

Daripada dapatan kajian, kesemua peserta kajian mengintegrasikan pengajaran bahasa Inggeris dengan tunjang kesemua enam tunjang yang lain yang perlu diajar dalam KSPK. Contoh tunjang yang diintegrasikan ini adalah pengajaran bahasa Inggeris diselitkan dengan pengajaran tunjang lain ataupun sebaliknya di mana pengajaran tunjang yang lain diselitkan dengan pengajaran bahasa Inggeris. Selain itu, rutin-rutin kanak-kanak seperti perbualan pagi, waktu rehat dan waktu balik juga diintegrasikan dalam bahasa Inggeris. Penyelidik berpendapat, perkara ini terjadi mungkin disebabkan oleh dasar kerajaan yang menghendaki guru prasekolah menggunakan bahasa Inggeris secara sama rata dalam instruksi iaitu setiap bahasa 600 minit. Melalui dasar inilah, penyelidik melihat kreativiti peserta kajian itu sendiri dalam pengubalan jadual waktu mereka.

d. Mempelbagaikan Sumber Bahan Bantu Mengajar (BBM)


Terdapat tiga perkara utama yang dibincangkan dalam dapatan ini; (i) penggunaan ‘Information Communication Technology’ (ICT), (ii) penggunaan sumber Internet dan

(iii) penggunaan bahan maujud.

i. Penggunaan Information Communication Technology’ (ICT)

Kesemua peserta bersetuju amalan penggunaan ICT adalah penting dalam pengajaran bahasa Inggeris (rajah 16).

RAJAH 16: Penggunaan ICT



Amalan penggunaan ICT dalam pengajaran bahasa Inggeris sememangnya amat popular di kalangan peserta kajian. GP03, GP04, GP08, GP10 dan GP12 sependedapat bahawa ICT memainkan peranan yang amat penting dalam pengajaran bahasa Inggeris dengan memudahkan mereka mengajar kanak-kanak serta membantu dalam menarik perhatian kanak-kanak untuk untuk belajar. Contoh temu bual yang menyatakan perkara berikut adalah seperti di bawah:

“penggunaan ICT ni, memang la, memang agak penting, lah untuk kita ni. Terutamanya bila kita, apa nama? Memudahkan kerja saya lah, memudahkan kerja cikgu bila kita menggunakan ICT.”

(TB/GP03:6-28)

“ICT lah, maksud saya penggunaan ICT. Penggunaan ICT lebih menarik. Murid suka... la melihat. Ada murid yang suka melihat, dia... lebih suka kepada ICT.”

(TB/GP08:6-24)

“Bahan Bantu Mengajar, saya lebih suka menggunakan ICT... sebab ICT... saya juga menyediakan diri sendiri, dengan gajet-gajet yang ada... dan gajet ini lebih mudah, dan sangat fleksibel untuk saya tunjuk kepada mereka. Sebab sekarang ni kan, dunia teknologi.”

(TB/GP10:16-38)


“...dengan adanya, macam kemudahan seperti ICT, seperti LCD... jadi memang PdP kita lebih... menarik lah.”
(TB/GP12:21-15)

Dalam pemerhatian video, GP10 dilihat hanya menggunakan '*remote control*' dengan televisyen yang disambungkan dengan komputer riba. Semasa pengajaran bahasa Inggeris (CaPTT/V4/GP10). Pengajaran beliau tentang konsep '*same and different*' pada hari tersebut banyak bertumpu kepada penggunaan televisyen. GP11 pula menggunakan lagu '*I can sing the rainbow*' dengan menggunakan komputer riba dan LCD lalu menyanyikan bersama dengan kanak-kanak (CaPTT/V6/GP12).

ii. Penggunaan Internet

Daripada data-data yang diperolehi, hampir kesemua peserta kajian menggunakan sumber Internet sebagai BBM sama ada untuk mencari idea atau video-video yang boleh dijadikan PdP dalam pengajaran bahasa Inggeris (rajah 17).

RAJAH 17: Penggunaan Internet



Daripada 12 peserta kajian, 10 daripada mereka menyatakan pendapat tentang kepentingan bahan-bahan daripada Internet dan mengapa digunakan. Penggunaan bahan Internet yang amat ketara adalah video-video di 'Youtube' sebagai BBM dalam pengajaran bahasa Inggeris. Bagi GP01, GP03, GP06 dan GP05 sumber 'Youtube' digunakan untuk mencari video-video yang mereka rasakan sesuai untuk dijadikan sumber pengajaran bahasa Inggeris di prasekolah. Contoh data temu bual adalah seperti berikut:

“Saya selalu tengok, dari video ‘Youtube’ kerana situ memang banyak sumber lah, untuk kanak-kanak.”

(TB/GP01:3-14)

“...video tu, saya, biasa dia, ambil dari ‘Youtube’. Biasanya kalau saya rasa macam, saya nampak idea tu menarik, jadi saya guna lah. Jadi saya guna. Tapi tidak ambik sepenuhnya lah, saya cuma ambik sikit-sikit dalam pengajaran.”

(TB/GP03:10-36)

“Contohnya video tu, saya akan ambil, part yang... bahagian yang saya nak ajar tu saja, saya tidak... tidak guna saja... video tu, ambil yang bahagian yang saya nak guna itu saja. Dekat ‘Youtube’, selalu saya cari dekat ‘Youtube’.”


(TB/GP06: 4-38)

Dalam pemerhatian kelas, semasa GP09 menggunakan video untuk mengajar bunyi perkataan-perkataan bertemakan '*Things in my classroom*', beliau menyuruh murid mendengar dengan teliti serta meneka bunyi huruf depan perkataan-perkataan yang disebutkan (CaPTT/V18/ GP09). Perkataan-perkataan yang digunakan adalah '*book, pensel, marker, ruler, scissor*' dan '*beg*'. GP09 menyebut semasa PdP nya '*can you hear ‘beh’ in ‘book’, can you hear ‘peh’ in pensel, can you hear ‘mmm’ in marker*' dan seterusnya.

iii. Penggunaan Bahan Maujud

Penggunaan Bahan maujud yang dimaksudkan disini adalah BBM yang kanak-kanak boleh pegang dan belajar daripadanya. Seperti juga penggunaan bahan Internet, hampir kesemua peserta kajian dilihat menggunakan bahan maujud sebagai strategi dalam mengajar bahasa Inggeris di prasekolah (rajah 18).

RAJAH 18: Penggunaan bahan maujud



Agak unik di Sarawak, untuk pengajaran bahasa Inggeris dengan penggunaan kaedah SP, penggunaan tudung botol, ‘*tactile mat*’, ‘*pocket chart*’ dan set huruf adalah bahan maujud yang mestilah ada di setiap prasekolah. Penggunaan bahan-bahan maujud tersebut amat penting kerana BBM berkenaan memang ditulis dalam modul SP “*Level*” satu dan dua (CAD4140/SP), (CAD1318/SP2). Tudung botol digunakan sebagai kad huruf yang mengandungi kesemua 26 huruf. Contoh penggunaan penutup botol tersebut dapat dilihat pada pemerhatian gambar GP01 (CAD8801/GP01), GP07 (CAD/G8004/GP07) dan pemerhatian kelas GP08 (CaPTT/V3:19/GP08). Peserta kajian menggunakan penutup botol untuk permainan tunjuk bunyi huruf atau membunyikan gabungan huruf KV dan VK. Contoh transkrip pemerhatian kelas adalah seperti berikut:

“GP01: Now teacher wil call your name...contohnya cikgu bagitau macam mana nak main ni. ‘Teacher will say like this... What letter sound ‘eh’? ‘So’ kamu tunjuk huruf ini (menggunakan penutup botol mengangkat huruf a). Okay... boleh. Okay, ‘what letter sound ‘beh’?

Murid: Ni...(ambil menunjukkan penutup botol)”

GP01 menyatakan bahawa penggunaan penutup botol membolehkan murid belajar sambil bermain dengan bahan maujud berkenaan dan secara tidak langsung dapat mengenali hurufnya. Contoh temu bual yang direkodkan adalah seperti berikut:

“Jadi apabila saya mengajar bahasa Inggeris, saya akan berikan mereka bahan ataupun alat bantu mengajar, yang menarik, seperti tadi, saya menggunakan penutup botol, supaya mereka dapat bermain, sambil bermain, mereka dapat mengenali huruf tersebut”

(TB/GP01:34)

Berlainan dengan GP11, dia menukarkan BBM penutup botol dalam SP kepada kad huruf kerana merasakan ia kurang sesuai untuk kanak-kanaknya. Contoh temu bual yang direkodkan adalah seperti berikut:

“BBM itu kurang sesuai untuk budak saya, ‘that’s why’ saya... ‘bottle cap’ saya tukar dengan ‘letter cap, letter card’. Jadi budak saya setiap orang ada letter card dia sendiri...dua puluh enam.”

(TB/GP11:31)

Dalam kaedah CEFR, menjadi amalan peserta kajian menggunakan gambar-gambar, kad imbasan dan objek sebenar. Contoh temu bual yang menyatakan perkara di atas adalah seperti berikut:

“Banyak guna gambar-gambar... BBM. Banyak ‘flash card’. Flash card saya... yang ada gambar... dan objek maujud saya akan guna jugak.”

(TB/GP07:12-20)

“CEFR banyak guna gambar-gambar, BBM. Banyak ‘flash card’. ‘Flash card’ saya yang ada gambar... dan objek maujud saya akan guna jugak.”

(TB/GP07:12-21)

Penggunaan ICT tidak akan lengkap sekiranya tidak disertakan dengan kebolehan guru sendiri dalam mengakses bahan-bahan daripada Internet. Melalui dapatan kajian, peserta kajian dilihat memang bergantung harap kepada sumber-sumber daripada Internet untuk mencari BBM dalam pengajaran bahasa Inggeris. Bagi yang peserta kajian yang mengajar di luar bandar atau pedalaman yang mana capaian Internet yang kurang atau memang tiada langsung, penggunaan secara ‘*offline*’ dilakukan dengan cara muat turun terlebih dahulu jika. Perkara ini jelas apabila penyelidik menemui peserta kajian yang juga JU membuat inisiatif dengan mengumpulkan bahan-bahan secara ‘*offline*’ dan dikongsikannya bersama dengan rakan-rakan guru di PPD kawasannya. Inisiatif yang dilakukan oleh peserta kajian berkenaan membolehkan pengajaran bahasa Inggeris terutamanya di pedalaman yang talian Internetnya tidak stabil atau tiada dapat dilakukan. Di sinilah kita melihat bagaimana efikasi seorang guru yang sentiasa mencari alternatif atas kekurangan yang berlaku.

e. Pemusatan Murid

Untuk strategi pembelajaran bahasa Inggeris ini, ianya dibahagikan kepada dua yang utama iaitu; (i) penggunaan bahasa Inggeris yang mudah dalam interaksi dan (ii) interaksi dua hala. Terdapat di kalangan peserta kajian yang memperuntukkan masa untuk kanak-kanak bertutur dalam bahasa Inggeris setiap hari. Contoh temu bual yang direkodkan adalah seperti berikut:

“Kalu nak membantu saya dalam pengajaran bahasa Inggeris saya akan cuba untuk mengajakkan, untuk mengajak murid bertutur... menggunakan... ayat yang mudah, sekurang-kurangnya... 20 minit setiap hari.”

(TB/GP09:2-26)

“Jadi kita sentiasa terapkan penggunaan bahasa-bahasa yang mudah ini sehingga lah kita masuk ke dalam, PdP bahasa Inggeris. Jadi... apabila kita sentiasa, menggunakan bahasa Inggeris yang mudah, jadi murid itu memang lebih memaham.”

(TB/GP10:3-34)

“... bila saya bercakap dengan murid saya akan menggunakan bahasa yang... yang ‘simple’, tetapi bahasa yang... yang hampir sama lah, cara... cara murid menjawab tu akan kita ‘expect’ mereka menjawab dengan cara tersebut.”

Dalam peserta kajian berinteraksi dengan kanak-kanak menggunakan bahasa yang mudah, terdapat paten di mana peserta kajian menggunakan soalan-soalan yang sama terutamanya semasa perbualan pagi. Pertanyaan jawapan yang sama kerana peserta kajian melatih mereka memahami interaksi yang mudah ini. Contoh temu bual yang menunjukkan perkara ini adalah seperti berikut:

“Jadi, soalan yang kita tanya tu, soalan yang... biasanya yang berulang lah, ‘so that’ murid tu bila dia, mula-mula dengar, memang, bagi mereka sangat... asyik kita kata ... ‘how are you?’ mereka jawab pada kita, ‘how are you?’ Tapi sekarang, bila kita tanya mereka, ‘how are you?’ Murid sudah pandai respon.”

(TB/GP12:9-51)

ii. Interaksi Dua Hala

Dalam pengajaran bahasa Inggeris di prasekolah, sekali diperhatikan peserta kajian menggunakan komunikasi sehalia. Amalan interaksi dua hala antara guru dan kanak-kanak merupakan amalan yang jelas dilakukan.

Semasa bersoal jawab tentang bunyi huruf a, c, b dan m, GP01 dilihat menggunakan interaksi dua hala dalam pengajarannya dengan memperkenalkan dahulu setiap satu huruf tersebut berulang kali dan menyuruh kanak-kanak mengikuti (CaPTT/V1:32/GP01). Apabila memperkenalkan setiap bunyi huruf berkenaan, interaksi dua hala beliau berubah di mana selain memfokuskan semua kanak-kanak, beliau akan memanggil tiga atau empat orang nama terutamanya kanak-kanak yang tidak menumpukan perhatian. Sebagai contoh dalam pemerhatian kelas, GP01 selalu memanggil kanak-kanak yang bernama Pandalela kerana selalu melihat ke belakang kawan atau bermain (CaPTT/V2:28/GP01). Sekali lagi Pandalela dipanggil dan disuruh menyebut bunyi huruf ‘c’ kerana GP01 melihatnya bermain (CaPTT/V3:06/GP01). Selepas itu, dia dipanggil lagi oleh GP01 untuk menyebut bunyi huruf ‘a’ (CaPTT/V4:56/GP01) sebab melihat lagi ke belakang. Sekali lagi dia dipanggil untuk menyebut bunyi huruf a, c, b, m (CaPTT/V15:06/GP01). Contoh lain interaksi dua hala yang digunakan ditunjukkan di bawah.

JADUAL 5: Contoh lain menunjukkan komunikasi dua hala

Peserta Kajian	Interaksi Guru	Interaksi Murid	Data
GP05	‘Show me the word angry face?’ (permainan tunjuk perkataan)	Seorang kanak-kanak Bernama hafiy mengangkat perkataan yang betul	(CaPTT/V5:03/GP05)
GP07	Anthony..., Alisha....(menyuruh menyebut bunyi huruf b yang ditunjukkan)	Anthony dan Alisha menjawab dengan bunyi ‘beh’	(CaPTT/V7:11/GP07)
GP09	Everybody repeat after me... book	Murid mengikut menyebut ‘book’	(CaPTT/V1:13/GP09)
GP10	Cherry and teddy bear are...(menunjukkan isyarat jari ‘different’)	Seorang murid menjawab ‘not the same’	(CaPTT/V4:39/GP10)
GP11	‘This is our tongue to...?(Menunjukkan lidah sendiri)	Murid menjawab ‘taste’	(CaPTT/V38:50/GP11)
GP12	‘What colour is this?’ (menunjukkan kad warna orange)	Murid menjawab ‘orange’	(CaPTT/V4:22/GP12)

KESIMPULAN

Amalan pelaksanaan pengajaran bahasa Inggeris di Prasekolah Sarawak telah pun diteroka dalam kajian ini dengan penggunaan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Pensampelan bertujuan digunakan bagi pemilihan 12 peserta kajian yang kesemuanya merupakan guru prasekolah yang mewakili bahagian selatan, tengah dan utara di mana mereka ini mengajar di bandar, luar bandar dan pedalaman Sarawak. Penyelidikan ini memperlihatkan amalan sebenar yang berlaku semasa pelaksanaan pengajaran bahasa Inggeris di 12 buah prasekolah di sarawak yang terpilih. Dapatkan penyelidik tentang amalan pelaksanaan pengajaran bahasa Inggeris di prasekolah Sarawak telah pun dibincangkan dan

dirumuskan berserta dengan cadangan. Dapatkan kajian menunjukkan beberapa kekuatan dalam amalan pelaksanaan pengajaran guru prasekolah yang boleh dijadikan manfaat sebagai panduan guru prasekolah yang lain. Kajian ini dengan jelas menunjukkan pelaksanaan yang berpandukan ilmu dan memberi kesan yang positif dalam perkembangan pengajaran bahasa Inggeris di prasekolah Sarawak khususnya dan di Malaysia amnya, pada masa-masa yang akan datang.

PENGAKUAN

Penyelidikan ini dibiayai oleh Universiti Kebangsaan Malaysia di bawah nombor geran TAP

RUJUKAN

- Abdul Halim Masnan, Nur Ellina Anthony, & Nur Arifah Syahindah Zainudin. 2019. Pengetahuan Pengajaran Dalam Kalangan Guru Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 8, 33–41.
- Abdul Rahim, F., & Chun, L. S. 2017. Proposing an affective literacy framework for young learners of English in Malaysian rural areas: Its key dimensions and challenges. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 14(2), 115–144. <https://doi.org/10.32890/mjli2017.14.2.5>
- Abdullah, M., Md Nor, M., Damaety, F., & Chee, J. 2017. Teaching approaches in the classroom among preschool teachers. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(3), 748–755. <https://doi.org/10.6007/IJARBSS/v7-i3/2283>
- Aydoğan, H., & Akbarov, A. A. 2014. The four basic language skills, whole language & integrated skill approach in mainstream university classrooms in Turkey. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 5(9), 672–680. <https://doi.org/10.5901/mjss.2014.v5n9p672>
- Aziz, N. N. B. A. 2019. Early childhood education teachers : Issues of implementation English language teaching. In N. F. Habidin, N. M. Fuzy, S. Y. Y. Ong, & U. A. Muhammad (Eds.), *Best Practices in Education Management: Teaching, Learning and Research* (pp. 3–10). Kaizentrenovation. <https://www.researchgate.net/publication/341297247>
- Berkowitz, M. R. 2022. *ScholarWorks @ UMass Amherst A Comparison Of Guided Reading And Systematic Phonics Approaches To Supplementary Reading Instruction*. June.
- Blueprint, M. M. E. 2013. Malaysia Education Blueprint 2013 - 2025. *Education*, 27(1), 1–268. <http://linkinghub.elsevier.com/retrieve/pii/S0742051X10001435>
- Borg, S. 2003. Teacher cognition in language teaching: A review of research on what language teachers think, know, believe, and do. *Language Teaching*, 36(2), 81–109. <https://doi.org/10.1017/S0261444803001903>
- Brown, T. T., & Jernigan, T. L. 2012. Brain development during the preschool years. *Neuropsychol Review*, 22(4), 313–333. <https://doi.org/10.1007/s11065-012-9214-1>
- C. Alih, N. A., Md. Yusoff, M. A., & Abdul Raof, A. H. 2020. Teachers' Knowledge and Belief on the CEFR Implementation in Malaysian ESL Classroom. *International Journal of Multidisciplinary and Current Educational Research*, 2(5), 126–134. [www.ijmcer.com](http://ijmcer.com)
- Callinan, C., & van der Zee, E. 2010. A comparative study of two methods of synthetic phonics instruction for learning how to read: Jolly Phonics and THRASS. *The Psychology of Education Review*, 34(1), 21–31.
- Che Nidzam, C. A., Noraini, M. N., Mazlina, A., Marzita, P., & Hairy, I. 2014. Pengaruh Persekutaran Fizikal Bilik Darjah Terhadap Tahap. *Researchgate.Net*, January.
- Chew Fong Peng, & Mohd Fikri Ismail. 2020. *Pelaksanaan Pendekatan Bermain Dalam Pengajaran*. 2020(1), 14–25.
- Chomsky, N. 1981. *Knowledge of Language as Focus of Inquiry*. Praeger.
- Darmi, R., Puteh-Behak, F., Abdulllah, H., Darmi, R., & Wahi, W. 2018. Variations of L1 use in the English language class. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 18(2), 284–311. <https://doi.org/10.17576/gema-2018-1802-19>
- Elicker, J., & McMullen, M. B. 2013. Infants & toddlers. Appropriate and meaningful assessment in family-centered programs. *YC Young Children*, 68(3), 22–26. <https://d-nb.info/965755983/34>
- English Language Standards & Quality Council. (n.d.). *Teacher Guide - Implementing the CEFR-Aligned Curriculum.pdf*.
- Fauzi, W. J., Radzuan, N. R. M., Ngah, E., Rani, A. A., & Ali, F. 2021. Digitising English language learning for early childhood educators in Malaysian context: The rationale. *Asia-Pacific Journal of Research in Early Childhood Education*, 15(3), 113–134. <https://doi.org/10.17206/apjrece.2021.15.3.113>
- Fern, N. P. 2014. Preschool teachers' beliefs and practices on early literacy instruction. *Sains Humanika*, 2(4), 139–146. <https://doi.org/10.11113/sh.v2n4.481>
- Goh, P. S. 2019. *Teacher's perspectives on using English to teach in Malaysia*. 19(November), 346–362. <https://doi.org/http://doi.org/10.17576/gema-2019-1904-18 346>
- Goh, P. S. C., & Luen Loy, C. 2021. Factors influencing Malaysian preschool teachers' use of the English language as a medium of instruction. *SAGE Open*, 11(4), 1–12. <https://doi.org/10.1177/21582440211067248>
- Hennink, M. M., Kaiser, B. N., & Marconi, V. C. 2017. Code Saturation Versus Meaning Saturation: How Many Interviews Are Enough? *Qualitative Health Research*, 27(4), 591–608. <https://doi.org/10.1177/1049732316665344>
- Jain Chee, Mariani Md Nor, Abdul Jalil Othman, & Mohd Nazri Abdul Rahman. 2018. Isu Pengetahuan, Pedagogi, Dan Teknologi Dalam Kalangan Guru Prasekolah. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 6(1), 7–21. <https://shorturl.at/1HKNE>
- Janius, N., Mohd Ishar, M. I., Yusof, Y., Bang, P., Sid, R., & Wong, G. 2023. Belajar Sambil Bermain di dalam Kelas Pada Peringkat Pendidikan Awal Kanak-Kanak. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(4), e002248. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v8i4.2248>
- Johari, F. M. R., & Yunus, F. 2019. Preschool Teachers' Practices in English Early Literacy Instruction: A Case Study. *Creative Education*, 10(12), 2701–2710. <https://doi.org/10.4236/ce.2019.1012196>
- Klimova, B. F. 2013. Teaching English to Pre-school Children. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 93, 503–507. <https://doi.org/10.1016/j>

- sbspro.2013.09.228
- Kurniasih, E. 2011. Teaching the four language skills in primary EFL classroom: some considerations. *Journal of English Teaching*, 1(1), 70–81.
- Lightbown, P. M., & Spada, N. 2013. *How Languages are Learned* (4th ed.). Oxford University Press. <https://www.elt.oup.com/teachers/hlal>
- Majzub, R. M. 2013. Critical issues in preschool education in Malaysia. In A. Zaharim & V. Vodozov (Eds.), *Recent advances in Educational Technologies Recent advances in Educational Technologies: 4th International Conference on Education and Educational Technologies* (pp. 150–155). WSEAS Press. <https://www.wseas.org>
- Malaysia Ministry of education. 2017. Kurikulum Standard Prasekolah (Pendidikan Prasekolah). *Ministry of Education, Malaysia*.
- Merriam, S. B. 1998. Case studies as qualitative research. In *Qualitative research and case study applications in education* (pp. 29–43).
- Mohamed Norok, N. B., & Kamarudin, K. F. 2022. Tahap Kesediaan Guru Terhadap Penggunaan Kaedah Bermain Sambil Belajar Bagi Murid Berkeperluan Khas Pembelajaran. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(1), 132–144. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i1.1246>
- Nambiar, R. M. K., Ibrahim, N., & Krish, P. 2008. Penggunaan Strategi Pembelajaran Bahasa Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Dua. *E-BANGI*, 3(3), 17.
- Nazuha, N., & Mamat, N. 2020a. *Kebolehgunaan Modul Latihan Untuk Meningkatkan Efikasi Dan Mengurangkan Kebimbangan Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak. May*.
- Nazuha, N., & Mamat, N. 2020b. *Kesahan Dan Kebolehpercayaan Modul Peningkatan Efikasi Mengajar Bahasa Inggeris Guru Pendidikan Awal Kanak-Kanak. May*.
- Noorul Hidayah Azman, Suziyani Mohamed, & Maslawati Mohamad. 2020. The Self-Efficacy , English Language Proficiency , and Teaching Strategies of Malaysian Preschool Teachers in the Teaching of English as a Second Language. *International Journal of Advanced Science and Technology Vol.*, 29(3), 1044–1054.
- Piaget, J. 1964. Part I: Cognitive development in children: Piaget development and learning. *Journal of Research in Science Teaching*, 2(3), 176–186. <https://doi.org/10.1002/tea.3660020306>
- Purkayastha, S., Nehete, N., & Purkayastha, J. 2012. Dyscover - An Orton-Gillingham approach inspired multi-sensory learning application for dyslexic children. *Proceedings of the 2012 World Congress on Information and Communication Technologies, WICT 2012, March*, 685–690. <https://doi.org/10.1109/WICT.2012.6409163>
- Putu, N., & Asmini, J. 2012. a Study of the Use of Children'S Literature in the Teaching English To Young Learners At Children'S House School. *Jurnal Ilmiah Pendidikan Dan Pembelajaran Ganesha*, 1(2), 207009.
- Rachmawati, Y., Al-Munawwarah, S. F., Aini, W. N., & Susilawati, S. 2014. English in Preschool Curriculum: a Descriptive Study of the Teaching of English As an Intra-School Curriculum in a Preschool in Bandung. *Jurnal Pendidikan Bahasa Dan Sastra*, 14(2), 193. https://doi.org/10.17509/bs_jpbsp.v14i2.718
- Ramírez, R., Cycyk, L. M., Scarpino, S. E., López, L. M., & Hammer, C. S. 2020. Teacher beliefs regarding Dual Language Learners in Head Start. *The Research-to-Practice Journal for the Early Childhood Field*, 23(1), 23–39. <https://journals.charlotte.edu>
- Ritchey, K. D., & Goeke, J. L. 2006. Orton-Gillingham and Orton-Gillingham-Based Reading Instruction: A Review of the Literature. *The Journal of Special Education*, 40(3), 171–183. <https://files.eric.ed.gov/fulltext/EJ758184.pdf>
- Sadiku, L. M. 2015. The Importance of Four Skills Reading, Speaking, Writing, Listening in a Lesson Hour. *European Journal of Language and Literature*, 1(1), 29. <https://doi.org/10.26417/ejls.v1i1.p29-31>
- Shalihah, N. A. 2019. *The Teaching of Early Reading in English Using the Phonics Approach in Malaysian Primary Schools: Teacher Beliefs, Knowledge and Practices. September*, 316.
- Sidhu, G. K., Kaur, S., & Chi, L. J. 2018. CEFR-aligned school-based assessment in the Malaysian primary ESL classroom. *Indonesian Journal of Applied Linguistics*, 8(2), 452–463. <https://doi.org/10.17509/ijal.v8i2.13311>
- Siiik, S. S. C., & Hawkins, J. 2013. Thrass Phonics: a Case Study of Thomas As an Emerging Reader in English1. *The English Teacher*, 42(1), 52–73.
- The Orton-Gillingham Language Approach.* (n.d.).
- TORRES, M., & MERCADO, M. 2006. The Need for Critical Media Literacy In Teacher Education Core Curricula. *Educational Studies*, 39(3), 260–282. https://doi.org/10.1207/s15326993es3903_5
- Yazan, B., & De Vasconcelos, I. C. O. 2016. Three approaches to case study methods in education: Yin, Merriam, and Stake. *Meta: Avaliacao*, 8(22), 149–182. <https://doi.org/10.22347/2175-2753v8i22.1038>
- Mohamad Iskanda Mohamad Muar
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor, Malaysia
iskanda77@gmail.com
- Suziyani Mohamed
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia
suziyani@ukm.edu.my
- Kamariah Abu Bakar
Universiti Kebangsaan Malaysia,
43600 Bangi, Selangor, Malaysia
kamariah_abubakar@ukm.edu.my
- Corresponding Author: suziyani@ukm.edu.my